



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN
KAMPUS MACHANG, KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN
PUAN SHAHRIZA MAHMUD**

OLEH:

**NUR ZUBAIDAH IZZATI BINTI ABDULLAH (2020477194)
SITI NURFARAHIN BINTI MOHD RADZUAN (2020602814)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604-PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023)**

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	1
PENGHARGAAN	2
SENARAI SINGKATAN.....	3
BIODATA PELAJAR	4
BIODATA TOKOH	6
1.0 PENGENALAN	7
1.1 PENDAHULUAN	7
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	8
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN.....	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	9
1.5 PERSOALAN KAJIAN	9
1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	10
2.0 TINJAUAN LITERATUR	10
3.0 METODOLOGI	11
3.1 PENDEKATAN KAJIAN	11
3.2. PESERTA KAJIAN	11
3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA.....	12
3.4 CARTA GANTT PROJEK	13
4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	16
5.0 RALAT	41
6.0 LOG TEMUBUAL.....	42
7.0 HASIL KAJIAN	47
INDEKS.....	48
RUJUKAN	49
LAMPIRAN	50
Lampiran 1 - Surat Kebenaran	50
Lampiran 2 - Surat Perjanjian	51
Lampiran 3 - Soalan Temubual	52
Lampiran 4 - Diari Kajian.....	58
Lampiran 5 - Gambar	59

ABSTRAK

Temubual ini dilakukan Bersama Shahriza Mahmud, pelakon veteran tanah air yang berumur 58 tahun untuk mengetahui lebih mendalam tentang perjalanan beliau dalam bidang seni tanah air. Shahriza Mahmud mula bergiat aktif dalam bidang profileman tanah tanah air pada tahun 1986 sehingga kini. Beliau yang kini masih lagi bergiat aktif dalam bidang seni tanah air bukan sahaja memegang watak ibu bapa apabila berlakon malah beliau juga merupakan seorang penulis skrip, pengarah, dan seorang pensyarah. Pelbagai pengalaman, ujian dan cabaran yang dihadapi oleh beliau ketika berada dalam industri profileman. Melalui temubual ini, sejarah dan perjalanan yang dilalui oleh Shahriza Mahmud sebagai penggiat seni dapat dijadikan sumber inspirasi dan semangat kepada semua masyarakat.

Kata kunci: seniman, veteran, pelakon, filem, tanah air

This interview was conducted with Shahriza Mahmud, a 58-year-old veteran actress in the country to learn more about her journey in the field of art. Shahriza Mahmud began to be active in the film industry in her homeland in 1986 until now. She who is still active in the arts of his country not only plays the role of a parent when acting but is also a screenwriter, director, and lecturer. Various experiences, tests, and challenges were faced by her while in the film industry. Through this interview, Shahriza Mahmud's history and journey as an artist can be used as a source of inspiration and enthusiasm for all communities.

Keywords: artists, veterans, actors, films, homeland

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T dan RasulNYA, Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan kurniaanNYA; mudah-mudahan kami dapat menyiapkan tugas ini. Kami akhirnya berjaya menyiapkan tugas projek berkumpulan ini dengan penuh semangat dan kesungguhan. Semua masa yang digunakan untuk mencari dan membincangkan idea serta mewajarkan petunjuk teori untuk memacu hasil kerja berbaloi dengan usaha dan masa kami.

Kami bersyukur kerana kami berjaya menyiapkan transkrip kumpulan kami dengan kerjasama artis veteran pilihan kami iaitu Puan Shahriza Mahmud dalam masa yang diberikan oleh pensyarah kami, Puan NurulAnnisa Binti Abdullah. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau di atas bimbingan dan dorongan dalam menyelesaikan tugas ini dan juga mengajar kami dalam kursus ini iaitu Dokumentasi Lisan IMR604.

Tugas ini tidak dapat disiapkan tanpa usaha dan kerjasama daripada ahli kumpulan kami iaitu Nur Zubaidah ilzzati Binti Abdullah (2020477194) dan Siti Nurfarahin Binti Mohd Radzuan (2020602814). Terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada mereka yang secara langsung dan tidak langsung membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih semua.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
EPF	Employee Pension Fund
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
RTM	Radio Televisyen Malaysia
PENA	Persatuan Penulis Nasional Malaysia
PA	Personal Assistant
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
BM	Bahasa Melayu
TV	Television
SM	Shahriza Mahmud
SNF	Siti NurFarahin
NZI	Nur Zubaidah Izzati
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

BIODATA PELAJAR

PENEMUBUAL 1



Nama	:	Siti NurFarahin Binti Mohd Radzuan
Alamat	:	Kuantan, Pahang
Nombor Telefon	:	
Email	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan sistem (IM245)

PENEMUUAL 2



Nama	:	Nur Zubaidah Izzati Binti Abdullah
Alamat	:	Kluang Johor
Nombor Telefon	:	
Email	:	
Program	:	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan sistem (IM245)

BIODATA TOKOH



Nama	:	Shahriza Mahmud
Tarikh Lahir	:	
Tempat Lahir	:	Alor Setar, Kedah
Kewarganegaraan	:	Malaysia
Bangsa	:	Melayu
Agama	:	Islam
Pekerjaan	:	Pelakon, Penulis Skrip, Pengarah, Pensyarah
Tahun aktif	:	1986 – kini
Hobi	:	Berkhemah

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat, seniman dapat didefinisikan sebagai seorang yang berbakat seni dan mampu mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya seperti penyanyi, pelukis, dan penyair. Selain itu, seniman juga dikenali sebagai bintang filem yang telah lama melibatkan diri dalam perfileman dan telah mencapai hingga ke tahap yang tertentu. Dalam erti kata lain, seniman yang telah lama terlibat dalam filem atau lakonan juga boleh ditakrifkan sebagai artis yang berpengalaman oleh kerana pengalaman yang dilalui sepanjang kerjaya mereka. Pelakon ialah mereka yang melakonkan watak dalam sesebuah persembahan seperti Teater, Mak Yong, Menorah atau produksi seperti filem, drama, lakonan dan seumpamanya. Kebiasaannya, seorang pelakon memainkan watak khayalan. Manakala, bagi kisah benar, pelakon boleh memainkan watak yang sebenar. Kadangkala, pelakon juga kelihatan seperti diri mereka sendiri. Oleh yang demikian, pelakon yang sudah lama berkecimpung dalam industri perfileman layak digelar artis. Tambahan pula, seni bukan hanya untuk pelakon, malah ianya juga boleh merujuk kepada mereka yang banyak menyumbang di balik tabir, seperti pengarah, penyanyi, penulis lagu, pelukis dan lain-lain. Walaubagaimanapun, adalah perlu bahwa artis itu sendiri mempunyai karya seni mereka sendiri di mana mereka perlulah pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Contohnya melukis, menghasilkan puisi ciptaan sendiri, seloka atau puisi dan juga muzik hasil pemikiran mereka.

Seperti yang kita semua sedia maklum, industri perfileman hari ini bukanlah semata-mata kerja sambilan, malah ia juga menjadi salah satu bidang yang diceburi dalam industri tanah air. Oleh kerana tidak semua orang berkebolehan dan berbakat dalam bidang ini industri perfileman merupakan salah satu profesion yang diberi nilai tinggi. Bukan itu sahaja, industri ini juga menawarkan gaji yang cukup lumayan malah setanding dengan bakat yang telah dibuktikan oleh seseorang, lebih-lebih lagi industri ini sedikit sebanyak mampu melonjakkan nama negara apabila bakat artis kita dipersembahkan di luar negara. Oleh yang demikian, bakat dan pengalaman seseorang yang telah berkhidmat dalam industri sepanjang hayat mereka wajar digelar ikon atau, lebih tepat lagi artis yang tidak dapat dilupakan. Walaupun bidang ini mendapat sambutan baik dan mudah dikenali ramai dek kerana gajinya yang tinggi dan lumayan untuk diperolehi, akan tetapi mereka perlu melalui liku-liku yang mencabar untuk menjadi artis yang berkualiti,

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang akan dilakukan ialah oral documentation. atau dalam istilah melayu ialah sejarah lisan. kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah seseorang secara lisan dengan kaedah menemu bual seseorang itu untuk mendapatkan maklumat beliau. kaedah ini juga merupakan salah satu cara untuk mendalami dan mengetahui pengalaman dan sumbangan seseorang sebagai seniman sepanjang hidup mereka. orang yang akan di temubual dalam kajian ini semestinya seseorang yang mempunyai pelbagai pengalaman hidup sepanjang kariernya dan sumbangan sebagai seniman tanah air. kajian ini dilakukan untuk mengumpul sebanyak mungkin maklumat mengenai seniman tanah air. segala maklumat yang diberikan direkodkan dan dirumuskan untuk dijadikan bahan rujukan serta untuk menghargai jasa seniman tanah air kita.

Pelakon yang dipilih untuk temubual ialah Shahriza Mahmud. Pelakon veteran atau dikenali sebagai Shahriza Mahmud sangat dikenali dengan watak Datin, orang kenamaan dan ibu dalam sesebuah drama. Pelakon veteran kelahiran Alor Setar, Kedah ini merupakan antara pelakon veteran yang serba boleh dan mempunyai banyak pengalaman. Beliau dilahirkan pada tanggal 30 Jun 1965 dan kini umur beliau telah mencecah 58 tahun. Beliau mula bergiat aktif dalam bidang lakonan pada tahun 1986 sehingga kini dan telah mendapat banyak tawaran berlakon dalam drama, filem dan sebagainya. Shahriza Mahmud menjadi terkenal oleh kerana lakonan beliau yang sangat mantap dan sesuai dengan karakter yang dibawa. Antara drama yang pernah dibintangi olehnya ialah, *Pendekar, Meori Berarak Jingga, dan Dejavu di Kinabalu* (2012). Oleh kerana lakonannya yang sangat menjiwai watak, beliau banyak ditawarkan berlakon dalam watak ibu bapa.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Punca hilangnya seniman veteran dalam industri lakonan

Kehilangan seniman veteran dalam industri lakonan bukanlah menjadi bualan yang hangat. Ada yang beranggapan bahawa seniman weteran juga ingin berehat daripada dunia seni. Namun sebaliknya adalah berbeza, dari apa yang ditawarkan dan kepentingan menjadi seorang seniman veteran di tanah air ini kurang diambil peduli terutamanya dari segi kebajikan. Namun begitu, masih ada persatuan-persatuan yang mengambil berat tentang seniman walaupun seniman itu tidak lagi bergiat aktif dalam dunia hiburan terutamanya semasa pandemik covid19.

Kehilangan seniman dari industri lakonan juga berpunca dari ketidak adilan pihak produser dan penerbit menawarkan pekerjaan kepada mereka seperti yang hangat diperkatakan sebelum ini dimana seorang seniman veteran tidak dibayar setimpal dan menyebabkan mereka terasa dipinggirkan.

Keterlibatan seniman veteran dalam program televisyen pada masa kini

Seorang seniman veteran yang lain menyuarakan luahan isi hatinya hanya melalui rakan-rakan artis veteran yang lain berpendapat bahawa industri seni telah menganak tirikan seniman veteran. Ini menjadi permasalahan bukan sahaja pada tokoh yang di temubual, malah rakan artis yang lain juga turut terlibat sama. Semua pihak produser atau penerbit perlulah bersikap adil dan bukannya memilih artis berdasarkan kadar murah atau tinggi, tetapi perlulah memberi penghargaan kepada seniman veteran yang sudah lama berkhidmat di dalam industri seni sejak awal lagi.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- Mengkaji latar belakang seniman veteran Shahriza Mahmud
- Mengkaji penglibatan dan sumbangan yang telah diberikan oleh artis veteran dalam industri seni tanah air
- Mengkaji mengenai anugerah dan pencapaian sepanjang penglibatan dalam industri seni

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1.5.1 Apakah latar belakang tokoh seniman veteran Shahriza Mahmud?
- 1.5.2 Bagaimana Shahriza Mahmud boleh terjebak dalam bidang lakonan?
- 1.5.3 Apakah penglibatan lain Shahriza Mahmud dalam industri seni?
- 1.5.4 Apakah sumbangan terbesar Shahriza Mahmud dalam industri seni tanah air?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Melalui hasil kajian ini, kita dapat mengetahui lebih banyak cabaran-cabaran dalam industri seni tanah air. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan pada masa hadapan tentang jasa dan pengorbanan seniman veteran dalam industri seni tanah air kita. kita juga dapat mengenal pasti punca mengapa seniman veteran semakin tidak mendapat tempat dalam industri masa kini. Selain itu, kita juga dapat melihat perbezaan yang ketara antara industri hiburan pada zaman dahulu dan sekarang. Kita juga dapat melihat bahawa betapa pentingnya peranan sesebuah agensi dalam industri seni menjaga kebajikan para seniman veteran.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Industri seni

seni adalah bahagian semula jadi dalam kehidupan manusia. semua orang mempunyai naluri untuk mencintai seni. terdapat pelbagai jenis persembahan seperti filem dan drama. Menurut Kamus Dewan Edisi keEmpat seni didefinisikan sebagai kecil halus. seni juga membawa maksud sebagai karya-karya seperti puisi, lukisan, muzik dan karya lain yang diciptakan berbakat sebagai hasil dari sesuatu yang diciptakan.

2.2 Industri lakonan

lakonan dan pelakon merupakan perkara yang berbeza. lakonan memberikan maksud kepada pelakon yang mampu membawa sebuah watak dalam bidang lakonan. terdapat istilah artistik yang umum di Malaysia, Indonesia dan Thailand tetapi memiliki maksud yang berbeza. di Malaysia dan Indonesia Lakon membawa maksud cerita yang dipentaskan. di Thailand istilah yang sama tapi membawa maksud Tarian. Secara umum budaya dalam masyarakat Asia Tenggara Perantauan terdapat sejumlah seni yang melibatkan gerak tubuh atau pelakuan manusia yang diamati oleh orang lain. di dalam kamus Dewan seni juga diartikan sebagai seni sandiwara(drama).

3.0 METODOLOGI

Kajian ini melibatkan temubual bersama artis veteran yang diberi nama Shahriza Mahmud yang merupakan salah seorang yang pantas digelar seniman veteran tanah air. Temubual ini dilakukan untuk mendalami dan mengetahui tentang perjalanan hidup, dan jatuhan bangun seorang seniman veteran dan juga pengalaman beliau dalam industri perfileman. Temu bual ini dijalankan secara atas talian melalui platform Zoom oleh kerana jarak untuk berjumpa dengan beliau agak jauh. Temubual dijalankan mengikut masa yang telah diperuntukkan dan dimulai dengan pengenalan serta latar belakang tokoh. Soalan seterusnya disoal mengikut pelbagai struktur soalan yang terdiri daripada pendidikan, kerjaya, pencapaian, cabaran, sumbangan dan juga harapan.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan untuk kajian sejarah lisan ini adalah mengadakan sesi temu bual dalam talian dengan panggilan video. Kajian ini dijalankan di lokasi masing – masing dan hanya berbual dengan Shahriza Mahmud melalui panggilan video. Sesi temu bual ini akan dirakam melalui rakaman skrin dan audio untuk dijadikan bahan bukti dan menjadi salah satu proses penting yang perlu dijalankan dalam kajian sejarah lisan. Selain itu, segala maklumat penting direkodkan semasa temu bual berlangsung.

3.2. PESERTA KAJIAN

Pelakon veteran atau dikenali sebagai Shahriza Mahmud sangat dikenali dengan watak Datin, orang kenamaan dan ibu dalam sesebuah drama. Beliau merupakan artis veteran yang sering ke layar kaca dek kerana bakat hebat yang beliau ada. Shahriza Mahmud dipilih dalam kajian ini disebabkan beliau merupakan antara seniman veteran yang patut disanjung oleh kerana bakat serta pengalaman yang ada pada beliau. Beliau bukan sahaja mempunyai banyak pengalaman dalam bidang lakonan, malah beliau juga seorang pengarah, penulis skrip, dan malah juga seorang pensyarah. Pelakon veteran kelahiran Alor Setar, Kedah ini merupakan antara pelakon veteran yang serba boleh dan mempunyai banyak pengalaman. Beliau dilahirkan

pada tanggal 30 Jun 1965 dan kini umur beliau telah mencecah 58 tahun. Beliau mula bergiat aktif dalam bidang lakonan pada tahun 1986 sehingga kini dan telah mendapat banyak tawaran berlakon dalam drama, filem dan sebagainya. Shahriza Mahmud menjadi terkenal oleh kerana lakonan beliau yang sangat mantap dan sesuai dengan karakter yang dibawa. Antara drama yang pernah dibintangi olehnya ialah, *Pendekar, Meori Berarak Jingga, dan Dejavu di Kinabalu* (2012). Oleh kerana lakonannya yang sangat menjiwai watak, beliau banyak ditawarkan berlakon dalam watak ibu bapa. Beliau bukan sahaja mempunyai bakat dalam lakonan, malah mempunyai bakat dalam bidang penulisan. Umur bukanlah penghalang bagi Shahriza Mahmud untuk terus bergiat aktif dalam industri seni tanah air. Sehingga kini, beliau masih lagi menerima tawaran untuk berlakon dalam filem dan drama.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data adalah cara atau proses memperoleh data untuk membuat kajian. Kaedah pertama yang digunakan di dalam kajian adalah dengan mendapatkan segala maklumat berkaitan seniman atau artis daripada pencarian alam maya. Semua maklumat penting yang ada dari artikel, akhbar, blog dan lain-lain akan dicatat dan direkod untuk kegunaan kajian sejarah lisan. Kaedah kedua yang digunakan adalah dengan menembual seniman veteran iaitu Shahriza Mahmud secara atas talian dan segala maklumat akan direkod. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah penting dalam kajian sejarah lisan.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Aktiviti														
1. Menerima tugasan sejarah lisan dari pensyarah	✓													
2. Mula membuat perbincangan dan pencarian tentang kajian lisan		✓												
3. Pemilihan pertama memilih Yusof Ghani			✓											
4. Mula mencari maklumat dan cuba untuk berhubung dengan tokoh seniman				✓										
5. Pertukaran tokoh lain atas faktor tertentu daripada Yusof Ghani kepada Shahriza Mahmud					✓									

6. Menyiapkan abstrak untuk mendapatkan kelulusan pensyarah					✓							
7. Mendapat kelulusan pensyarah dan Mula berhubung dengan tokoh seniman Shahriza Mahmud						✓						
8. Membuat pencarian maklumat berkaitan tokoh seniman.							✓					
9. Berbincang dengan tokoh untuk persetujuan dan mula mengisi form untuk mendapatkan borang kajian								✓				
10. Menyiapkan kertas kerja, soalan serta tugas lain berkaitan kajian dan berbincang berkenaan masalah yang timbul sepanjang proses kajian									✓			

11. Mendapatkan persetujuan tarikh temubual bersama Shahriza Mahmud										✓		
12. Sesi temubual berjalan												✓

4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum, berikut merupakan temubual sejarah lisan mengenai sejarah hidup seorang tokoh dalam bidang lakonan. Bersama kami ialah Puan Shahriza Mahmud yang merupakan seorang palakon. Dan rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 Januari 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada jam 9.30 malam menggunakan platform Zoom. Temu bual ini dikendalikan oleh Siti NurFarahin dan juga Nur Zubaidah Izzati. Dengan ssegala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

SM: Shahriza Mahmud

SNF: Siti NurFarahin

NZI: Nur Zubaidah Izzati

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

NZI : Boleh puan beritahu apakah nama penuh dan juga panggilan puan?

SM : Emm nama penuh shahriza mahmud, nama panggilan ni bnayak ada yang panggil riza, ada panggil za je, ada panggil shah, so yang sekarang ni riza lah ataupun kak riza.

NZI : Bilakah puan dilahirkan?

SM : 25 oktober 1965

NZI : Puan dilahirkan dan membesar dekat mana?

SM : Di Anak Bukit Alor Setar Kedah. Haa disana

NZI : Puan ada berapa orang adik beradik?

SM : Kita ada enam, sorang meninggal, semua perempuan . So tinggal lima orang lah. Lima orang semua ada dekat belah selatan ni lah darpada KL sampai Johor. Mak baru meninggal haritu tahun lepas Januari. Genap harini setahun dia meninggal. So tinggal ayah sorang. Ayah pun duduk dengan kitaorang lah. So semua dekat belah selatan lah sekarang.

- NZI** : **NZI: Apakah nama ibu dan ayah puan?**
- SM : Er ibu (tersekat akibat jaringan internet), Mahmud bin ismail.
- NZI** : **Boleh puan cerita kan sedikit tentang latar belakang mereka?**
- SM : Em okay mak dengan ayah ni dia gurulah, kedua - dua adalah guru, yang mengajar di kedah sampai pencerlah disana sampai pencerlah diaorang memang guru.
- NZI** : **Boleh saya tahu bilakah puan mendirikan rumah tangga?**
- SM : 5 Februari ni kira genap sebelas tahun lah. Sebelas tahun yang sudah. Tahun bila eh (keťawa). Ha dah sebelas tahun. Genap sebelas tahun.
- NZI** : **Siapakah nama suami puan dan berapa umur suami puan?**
- SM : Nama Saddiq Rafali lah abang kepada Ana Rafali kalau kenal. Dia pun baru sambut hari lahir yang ke 42, 20 hb. 2hari lepaslah. 2 hari eh 23; ha 3 hari lepas.
- NZI** : **Sekarang puan tinggal kat mana?**
- SM : Sekarang dekat KL lah memang sebab urusan kerja la apa macam yang berkaitan dengan production semua dibelah sini kan. So kita menetap dimana yang berdekatan lah tak kisah dekat KL, Selangor, sempadan-sempadan ke . Senang nak beruruskan lah.
- NZI** : **Apakah moto hidup puan yang dipegang dari dulu sampai kini?**
- SM : Emm..Dia follow the flow. Hidup kita ni tak boleh striit sangat dengan apa yang kita nak, tapi tetaplah dengan pendirian kita. So kalua macam kita bergaul dengan satu kelompok yang pemikiran dia begini so kita kene adjust ikut flow diaorang lah. Dia sama juga kalau bekerja macam kita freelance, masuk kelompok lain cara lain, masuk kelompok lain cara lain. Dengan hidup pun samalah follow the flow lah kadang-kadang macam kita kata okay aku nak bulan ni, nak gaji seribu, nak dapat seribu sekali tak dapat kita dah down giler. So kalau kata kita takde rezeki takde lah kan so kita tengok just orang kata ikut takdir lah. Apa yang takdir tentukan itullah yang kita ikut.
- NZI** : **Boleh saya tahu apa hobi puan?**
- SM : Hobi kita ni banyak ha sebenarnya kita suka kepada alam, jadi apa sahaja yang berkaitan dengan alam macam camping rest dekat tepi sungai, tepi laut, tepi

pulau, swimming, diving. Jenis-jenis yang macam tu lah. Kalau dulu memang kita suka driving lah. Driving dekat track. Racing ha (ketawa).

- NZI :** **Aktiviti yang selalu dilakukan bila Bersama keluarga pada masa lapang atau hujung minggu?**
- SM :** Biasanya kitaorang berkumpul makan -makan macam family my husband, parents dia suka memancing. So diaorang akan pergi memancing dan diaorang akan bawak balik ikan yang besar-besar tiap-tiap minggu. And then diaorang memang hobi diaorang. Jadi ikan-ikan tu simpan aje kan takde siapa nak makan kat rumah so every weekend dia akan masak dan panggil semua anak beranak datanglah berkumpul dan pada masa yang sama tu diaorang pon minat jugak camping. So bukak khemah tepi rumah tu sambil barbeque, sambil lepak - lepak, camping, and then tido sampai pagi borak-borak, macam lelaki biasalah tengok bola ha macam tulah . Biasanya aktiviti tu makan-makan lah.
- NZI :** **Bagaimakah Puan seimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang diceburi?**
- SM :** Takde masalah. Sebab apa macam kitaorang hobi tu ataupun minat tu sama. Kalau macam kitaorang husband pun kita buat benda yang sama, yang sama minat . Kalau kata so far takdelah benda yang dia tak minat . Maknanya kalau yang dia minat tu pun kita support lah. Ha macam tu. So takde masalah lah.
- NZI :** **Adakah puan berasa masa yang terluang Bersama keluarga terlalu singkat sebab jadual lakonan yang tidak menentu?**
- SM :** Kalau dulu ya. (batuk) Kalau dulu memang (berdehem) kita kan memang selalu dapat leading saja kan, jadi heroin, memang tak dapat dinafikan siapa-siapa yang pernah dapat watak leading sahaja memang masa tak menentu sangat-sangat. Boleh dikatakan 24 jam memang dibagi masa untuk on set saja lah. Habis katalah pukul 3, 4 pagi lepastu pagi tu nak kene pergi balik and then shooting pulak kalau kene cerita yang berepisod kan ambil masa 2,3 bln ada sampai 7,8 bulan pon ada. Memang takde masa langsung lah untuk family. Kalau kata nak jenguk family pun setahun sekali je. Hari raya, Hari -hari cuti macam tu. Tapi sekarang ni alhamdulillah lah takde masalah sangat dari segi tu lah.

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

NZI : Okay baiklah tentang sejarah pendidikan, boleh puan ceritakan sejarah pendidikan puan? Sekolah dekat mana...ha macam tu lah

SM : Okay masa sekolah rendah dulu kita ikut mak ayah lah sebab diaorang mengajar kan. Jadi diaorang diantar untuk mengajar ke Kawasan utara kedah,. So kita ikutlah bersekolah disanalah, sekolah rendah. Lepas tu masa sekolah menengah masih disana. Bila form 3 kita dapat Sekolah Menengah Teknik Ipoh. Jadi start sekolah menengah Teknik Ipoh tu dan kita dapat scholarship Mara untuk pergi Tar Collage, so Tar Collage, lepas habis Tar Collage tu, kita masuk teater. Kita dah bekerja lah kita bekerja dalam bidang accounting sampai form 6 STPM Pre U lah. So kita furture studies untuk ambil LCCI hire accounting. So kita bekerja dalam masa Ibih kurang 2 tahun at the same time kita masuk teater dari situlah kita timba ilmu lakonan lah ape semua dan kita rasa macam kita boleh pergi lebih jauh lagi lah sebab kita bukan stuck setakat teater saja. Sebab kita punya vision nak pergi untuk belajar lebih tentang ilmu filem dan masa tu sebenarnya tak terfikir langsung untuk nak jadi pelakon. Sebab kita lebih kepada nak jadi penulis skrip dan pengarah. Sebab kita tahu kalau jadi pelakon pun ayah tak setuju. So itu target kita lah. Then from there, kita masuk akademi filem. Akademi filem diploma 3 tahun so bila lepas keluar tu kita dah start berlakon sebenarnya sebab apa dalam masa yang sama dekat akademi filem tu kita mengarah teater masuk pertandingan peringkat Asia lah Bersama satia said anjuran satia said tu dia berkaitan dengan human values. So kita sebagai penulis skrip dan juga pengarah dan juga pelakon, then kita menang bawak pergi peringkat Asia. So, from there dia benda tu dah macam seiring tau. Kita belajar filem, kita buat teater, jadi benda tu dah nampak kan. And then dalam masa yang sama pulak kita dapat offer berlakon yang banyaklah masa tu. Itu start berlakon pendekar apa semua bersiri-

siri so kita terpaksa hold back dulu untuk menjadi pengarah dan juga penulis skrip. Tapi penulis skrip pun kita buat jugak --[gangguan sambungan internet]--. Macam kita cakap tadilah bila kita berlakon kita sebagai heroin, kita tak boleh.. takde masa nak rest. Walaupun kita buat sambil-sambil menulis skrip ouh memang... memang giler la sebab penat giler. Habis je macam every scene cut, kita akan masuk dalam satu bilik ataupun kita akan ada tempat di tepi set tu --[gangguan sambungan internet]--. kita punya computer, kita akan sambung menaip, menaip, menaip, satu scene, satu scene satu scene. Lepastu bila director panggil akan masuk set berlakon pulak. Masa tu muda so kita kuatlah. Kita boleh buat lah semua tu. And then belum ada laptop apa semua so kita bawak desktop dengan monitor besar, dengan keyboard apa semua bawak tapi boleh buat macam tu. Kalau sekarang memang tak boleh lah, okay. So, ha tadi tanya pasal sejarah pelajaran kan. Ha begitulah selepas habis akademi filem then kita sambung and dalam masa yang sama actually, masa kita belajar sebelum kita masuk Akademi Filem sebenarnya kita ada ambil computer programming jugak. Ha and then kita minat jugak dalam bidang computer programming. And then masa tu bidang IT kat Malaysia ni belum masuk lagi lah So masatu kita dah mula. Kita dah bermula masatu sebab kita dah belajar computer kan. Then masa peringkat awal Malaysia ni yang mana orang lama-lama ni biasalah dengan menggunakan jaring masa tu kan . Service provider and then takde lagilah internet yang macam sekarang ni so slowly kita belajar sendiri macam kita belajar di dalam pembelajaran lah . Kita belajar sendiri untuk buat website kan, lepastu kita belajar sendiri untuk buat companies website. And then untuk personal website masatu. Tapi takde kawan – kawan dari Malaysia lagilah masa tu. Tapi kita dah belajar slowly dan kita belajar sikit pasal computer programming apa semua tu. Tapi nak bandingkan dulu dengan sekarang dengan IT sekarang dengan dulu memang dah jauh beza lah kalau kita nak masuk balik dalam bidang computer programming ni memang dah completely lain lah. Begitulah yang kita ingat setakat ni. Tar Collage...ha okay.

NZI : Zaman persekolahan dia merupakan zaman yang paling mencabar. Boleh tak puhan ceritakan pengalaman puan masa zaman sekolah tersebut?

SM : Okay kalau sebut zaman persekolahan, kita daripada kecik sebenarnya adalah seorang yang sangat pendiam. So sangat pemalu. Bukan tak bercampur orang, tapi malu sangat nak berbual dengan orang yang baru kita kenal ataupun yang kita tak kenal lah. Tak kira lelaki ataupun perempuan. Tambah-tambah lelaki lagilah takde. So nak kata cabaran tu tidak sangat sebab masa sekolah rendah kita tak kisah sangat pasal berkawan ni kan so bila naik sekolah menengah, cabaran dia masa tu adalah macam kita nak belajar bercakap. Belajar bercakap bila orang bertanya sebab masa tu kita sedar bila orang bertanya even cikgu bertanya sepatah kita jawab. Sepatah cikgu tanya sepatah kita jawab. Jadi kita tak pandai nak elaborate benda tu tau. So kalau macam belajar pun kita dengar apa yang cikgu cakap, apa yang cikgu explain betul-betul dan kita akan jawab ikut apa yang diperlukan sahaja. Jadi maknanya kalau cikgu tanya lebih-lebih tu dia benda-benda lain tu kita tak involve lah maksudnya dari segi pergaulan social tu kita terhad. Kalau ada dua orang kawan baik, dua orang kawan baik tu saja. So sama jugak bila kita masuk Tar Collage, kita ada kelompok. Satu kelompok 7 orang memang sama – sama duduk satu hostel dekat situ kita mula belajar cakap sikit – sikit tapi masih lagi dalam kelompok kita. Dari kecik memang itu dikatakan masalah lah kan kalau ikata nak masuk ke zaman orang kata dewasa ni kalau nak bercampur gaul nak bekerja. Tetapi alhamdulillah bila start masuk teater disitulah kita mula belajar dan kita mula memberanikan diri walaupun kita sebelum tu walaupun kita pemalu dan pendiam tapi kita bukan jenis penakut, Cuma kita tak reti nak start bercakap, start perbualan Kalau orang tak tanya, jangan harap nak cakap. Kalau kita nak start dulu takde lah. Kalau kita start dulu pun, takat kata bagi salam lepastu habis. So teater lah sebenarnya titik mula dimana kita mula belajar bercakap. Yang lain-lain masa sekolah kita takde masalah lah. Itu je.

SNF : Okay saya sambung ya puan?

SM : Okay boleh.

SNF : Okay soalan saya tadi, berkaitan dengan sejarah pendidikan, adakah puan aktif di peringkat sekolah?

SM : (Berdehem) macam yang saya cakap tadi, masa peringkat sekolah ni kita seorang yang sangat pemalu. Aktif tu memang minat nak aktif tetapi macam kalau kata sukan kita cuma netball sajalah itu pun tak lama sebab masatu kita kiranya kita punya fizikal ni lembik sikit asyik demam ha macam tu lah selalu tak sihat lepas tu kalau mcam dari segi aktiviti lain tu kita seingat kita lah kita cuma ada ikuti pertandingan baca puisi in English lah. Masa tu form 1 and kita dengan sendirinya memberanikan diri cuba, takde sape ajar takde siapa train pun lah and then masatu kita dapat nombor 2. Then selain daripada tu cuma masa di sekolah teknik Ipoh. Ha masatu kita jadi pelakon bangsawan masa hari last day penutup lah sekolah tu masa tu form berapa ea? Form 4 kot, tapi takde menggunakan suara, diaorang buat recording dialog tu kita cuba tu --[gangguan sambungan internet]-- ha itu sahajalah.

BAHAGIAN C: KERJAYA

SNF : Beralih kepada faktor kerjaya ya. Selepas tamat pengajian, Puan bekerja sebagai apa?

SM : Aa.....Semasa tu(itu) kita bekerja di erm...sebagai ahli accounts department lah kira sebagai junior accountant lah macam tu kan selama setahun lebih.macam cakap tadi tu, masa bekerja tu kita mula ikut teater and then a— bila kita ikut teater ni, setiap kali habis kerja petang pukul 5[lima] kita terus pergi latihan. Jadi sampai ke tengah malam kadang kena balik pukul satu dua pagi then pagi kena pergi kerja lagi then dia jadi terlalu penat terlalu letih and then, masatulah [masa itu lah] tahun kedua tu[itu] manager tu(itu) tanya"*you kena buat keputusan lah samada you nak teruskan bekerja ataupun you nak teruskan you punya bidang seni kan*". Jadi bila dia dah cakap macam tu, sampai kita masuk hospital lah dia punya letih tu tahap letih tu sampai masuk hospital pengsan, so kita buat kajian sendirilah, kalau kita berhenti kerja, apa yang kita boleh buat? Apa yang

ada dalam bidang seni ni. So daripada situlah kita tengok kita kaji okay daripada teater kita dapat ilmu dia. Lepastu[lepas itu] kebetulan masatu[masa itu] Akedemi Filem Malaysia baru dibuka oleh arwah Tan Sri apa.. Jins..Tan Sri Jins Shamsudin kan. So kita nampak kat situ okay kalau kita stop then kita further studies dalam bidang filem then kita ada peluang untuk nak cari rezeki sebagai penulis skrip dan kita dah study berapa bayaran penulis skrip apa semua lah. Tapi masa kita berhenti kerja, kita kena struggle dulu lah sebelum kita dapat masuk ke akademi filem tu sebab apa sebagai seorang pelakon yang baru bermula masatu memang masatu saingen dia lebih hebat daripada sekarang. Even nak jadi ekstra pun dipilih sekira--se-- sedetail itu. Jadi kita bermula tu kita ada target, maknanya kita target okay tiga bulan pertama, kalau aku berhenti sebelum berhentilah,tiga bulan pertama what lakonan ni berapa boleh dapat sebulan. Mula-mula kita kaji dari segi tu okay dapat nampak cantik lima ratus, saya cakap okay takpa kita berhenti kita dapat lima ratus sebulan pun takpa untuk enam bulan pertama tapi lepastu kita mesti naik 1000[seribu], 2000[dua ribu], 3000[tiga ribu]. And then apa yang kita gariskan itu alhamdulillah nampak kesannya. Bila dah kita nampak sampai kita dapat seribu sebulan then baru kita berhenti kerja. Tu[itu] kira nekad lah. Bila dah nekad tu maknanya kita kena usaha lebih lagi lah sampai ke tahap alhamdulillah ada luck dekat situ ada rezeki dan kita mula dapat emm... watak-watak utama dan terus jadi heroin apa semualah dan kita takda buat ekstra takda lama lah. Ekstra kita rasa cuma satu siri drama saja masatu[masa itu]. Then kita tak ada berpatah baliklah untuk bekerja di office masatu. Memang kita dah tak berminat kerja di office dah sebab kita venture lebih lagi, lebih lagi lah dalam bidang yang lain-lain.

SNF : Difahamkan puan juga merupakan seorang pelakon, pengarah, penulis skrip dan juga pensyarah. Jadi boleh puan ceritakan sedikit tentangnya?

SM : Emmm.... okay macam lakonan semua orang dah tau dah lah sampai sekarang pun kita masih lagi berlakon cuma sebab emm... kita kena kencing tikus kan last two years, masih lagi tak sihat tengah dalam proses penyembuhan dan insya Allah kita akan sambung balik lah. Kalau dari segi penulisan skrip, kita bermula daripada teater lagi kita menulis skrip di teater yang tadi kita ada cerita pasal masuk pertandingan apa semua tu. So kita menulis skrip dan from there masuk akademi filem kita belajar lebih mendalam lagi tentang penulisan skrip dan kita terus menulis lah disamping berlakon. So emm... ada kita tulis untuk RTM ada , TV3 ada, Astro pun ada. Macam-macam jenis penulisan lah

macam untuk pementasan dan kadang ada orang minta untuk diorang gunakan skrip diorang punya pementasan nak buat macam iklan ker apa kan mintak tolong kita buatkan and then kita ada buat jugak translation macam daripada artikel English to Bahasa Malaysia. Ada juga kita buat translation untuk dubbing suara alih suara. Macam cerita jepun kartun kan, so dia datang dengan in English so kita translate dalam bahasa Malaysia lah untuk dubbing tu[itu] semua. So kita jugak ada buat apa ni—[gangguan sambungan internet] apa orang kata —[gangguan sambungan internet] macam skrip-skrip yang dah disiapkan tetapi produser mintak kita semakkan, tulis semula, rewrite balik apa yang tak kena so apa sahaja yang berkaitan lah. Itu dari segi penulisan, actually sampai sekarang pun kita masih menulis cuma bila kita sakit ni energy tu kurang sikit. Kita menulis yang ringan-ringan sahaja lah.tak macam dulu lah, kalau dulu kita buat beratus-ratus episod setiap hari kita boleh siapkan dua episod pun boleh siap tapi sekarang ni susah sikit lah sebab apabila kita menulis ni orang nampak menulis macam senang, tapi kalau menulis skrip ataupun menulis novel memang kita tak hampir tak tidur. Kalau macam kita punya style , kita menulis menaip sejam untuk skrip menaip lepastu kita akan rest lima minit sahaja lepas tu kita sambung balik. Rest lima minit sambung lagi. Kalau kata nak tidur pun kita curi-curi tu hampir tak tidur lah. Kalau kata nak tidur kita akan rest half an hour tidur sekejap makan sekejap macam tu. Kalau tidak kita tidak akan dapat capai target lah satu hari dua episod macam tu. So penulisan tu sama berat jugak dengan berlakon, kalau belakon kita dekat set kena menunggu dua puluh empat jam kalau menulis kita dekat rumah hah kan menghadap komputer jer. Dari segi pengarahan pun sebenarnya dia punya —[gangguan sambungan internet]— bermula sebelum orang lain masuk ke set. So dia punya proses tu mencari skrip yang elok nak mencari team cari production manager so dia nak kena fikirkan semua, so nak fikirkan nak kena faham nak kena tahu watak ini sesuai untuk siapa. Kadang-kadang pemilihan pelakon pun kalau tanya semua orang, orang biasa akan pilih pelakon yang dia minat tapi belum tentu pelakon itu sesuai untuk watak itu. Hah jadi dia kena jaga banyak bendalah and then penggambaran tu nak kena sesuai dengan bajet yang produser bagi so dia kena fikir banyak perkara. And then nak jaga mood dekat set lagi collaboration ataupun persefahaman kat set antara krew pelakon dengan semua orang, tak boleh ada stress tension-tension. So bila dah habis shooting nak kena masuk editing lagi, dan selepas habis editing bukan setakat tu, nak kena hadap station TV[Television] lagi kalau macam ada benda yang reject ker ada yang nak kena ubah suai balik ker

proses dia tu erm... panjang. Kalau macam tanya kita antara penulis skrip, pelakon dengan pengarah kalau ada offer tiga-tiga mana yang kita akan ambil dulu. Kalau kata bayarannya lebih kurang jer, kita memang akan ambil berlakon. So berlakon sekurang-kurangnya dia tak payah nak fikir the whole picture apa benda yang dia kena buat tu A to Z. sama juga penulis skrip pun sama juga dia apa orang kata dia draw dari A to Z penceritaan tu. Kalau apa yang tak kena nanti orang akan blame dia. Cerita yang tak elok orang akan blame dia. Kalau berlakon concentrate dia punya karakter sahaja masuk set bawa apa benda yang di perlu, faham apa yang perlu kalau tak faham kena tanya direktor so siapkan kostum dia apa yang patut masa masuk set habis, habis. Maknanya bila dah cut tu habis. And then bila dah last day dah rap, habis. Dia tak payah nak fikir lagi apa yg the next. Hah itulah lebih kurang.

SNF : Puan juga merupakan pensyarah di institusi mana ya?

SM : Okay, kita pensyarah bebas sebenarnya sebab melalui pengalaman dan kita takda mintak untuk jadi pensyarah tetap di mana-mana lah sebab berbalik pada yang kita pernah bekerja dahulukan tak suka orang kata stuck dalam satu tempat sebab apa bila kita ada kontrak yang panjang pun kalau mengajar pun kita macam mula rasa tak best sebab kita tak suka limit kan atau stuck dengan benda yang sama setiap hari. So kita buat orang kata kita attach dengan FINAS so di maknanya dia ada kontrak lah. Kontrak , kontrak tak lama. Dengan FINAS kita pernah mengajar dengan Sime Darby and then kita buat juga training tu workshop sendiri maknanya kita plan kita punya workshop untuk bergerak daripada negeri ke negeri so a mostly tulah dan ada juga macam sekolah-sekolah yang panggil macam institusi yang panggil maknanya kita travel lah daripada utara sampai selatan sampai sabah Sarawak pun kita pernah pergi. Tapi sebelum sakit dulu kira yang banyaknya dengan FINAS dan Sime Darby school.

SNF : Apakah subjek yang diajar oleh puan?

SM : Okay yang utama lah yang biasa akan kita ambil main lah. Acting, writing , directing. Kalau ada kekurangan pengajar untuk *editing* kita akan ambil sekali lah.

SNF : Sepanjang puan menjadi pengarah, berapakah drama yang sudah puan hasilkan dan bolehkah puan senaraikan antaranya?

SM : Ermm.... Kita tak kira berapa banyak tapi antaranya macam untuk hari kebangsaan telemovie lah special slot untuk hari kebangsaan ada beberapa. So untuk bulan puasa siri bulan puasa kebanyakkan special slot lah. Lepastu macam drama untuk telemovie juga untuk TV3 so kalau nak kira tu sebelum kita sakit tu mungkin macam itulah. Tapi kalau nak ikutkan title tu ermm... dalam 20 , 30 lebih kurang macam tu sebab kita berselang seli dengan berlakon dan menulis skrip kan begitulah.

SNF : **Boleh saya tahu macam mana puan boleh berminat untuk menjadi seorang penulis skrip?**

SM : Sebenarnya orang kata jiwa tu dah ada tau. Jiwa tu dah ada daripada awal. Macam masa kita sekolah ni kita kan jenis suka bersendiri kadang suka berangan bercakap dengan diri sendiri lepastu kita suka baca puisi sajak lah kan. Kita takda ikut mana-mana aktiviti tapi kita sendiri suka menggayakan. Lepas tu masa form 3 lepas SRP tu, memang dulu kalau kata BM subjek memang kita akan skor ermm... A A+ lah. Biasanya 99 100 80 A lah. So ada dua subjek lah masa SRP tu yang kita skor tinggi adalah erm... Matematik dan Bahasa Malaysia. Dua-dua sama A1 lah. So bila lepas SRP tu and then kita dapat masuk Science Stream masatu lah kita sedar yang kita minat science tapi at the same time kita minat sastera. Orang kata jiwa tu nak mendalami satera. And then kita mintak tukar, kita tak nak duduk dalam science stream kita nak tukar masuk sastera mestilah cikgu tak bagi family tak bagi semua tak bagi kan. Masatu orang kata ada jiwa memberontak lah kan. Masuk science stream dalam sebulan lepastu kita dapat masuk Sekolah Menengah Teknik Ipoh, kita rileks sikit lah masatu[masa itu] sebab apa sebab sekolah Menengah teknik ipoh kita bukan dalam aliran sastera dan bukan dalam aliran sains sepenuhnya. Maknanya sekolah teknik tetapi kita masih lagi dalam orang kata kategori science stream tetapi diajar jugak dekat situ sastera ada sains macam biasalah subjek fizik, kimia add math semua belajar macam biasa tapi kita ada dua-dua. So dekat situ masih lagi orang kata sastera tu tidak lah diberi tumpuan 100 peratus kita tak dapat apa faham lagi masatu tak dapat mendalami lagi cuma masih lagi luaran. So bila dah habis sekolah tu, start masuk teater mula-mula lah kita belajar lah maknanya yang dekat sekolah tu kita minat tu dah ada tapi kita tak dapat apa yang kita nak. So takda cikgu-cikgu yang terangkan apa itu sastera yang sebenarnya apa itu nilai seni penulisan yang sebenarnya apa semua kan. Semua dalam teater lah yang kita mula belajar. Dan kita bergaul dengan orang Dewan Bahasa dan Pustaka masatu ada connection jugak lah

dengan persatuan PENA apa semua jadi dia orang kata pembinaan dia lebih bila kita lepas belajar. Baru betul-betul kita mendalamai dunia penulisan ni.

SNF : **Boleh puan senaraikan antara tajuk penulisan skrip puan?**

SM : Contohnya ASP Zabri. Yang itu yang ditayangkan sempena hari kemerdekaan lah. Ni adalah kisah benar tentang ASP Zabri yang mana dulu dia adalah komando yang melawan komunis lah. And then apa yang menariknya pasal tentang skrip ini emm.... skrip ni mula-mula bukan skrip cerita ni mula-mula diberikan kepada orang lain untuk menyiapkan lepastu orang tu tak dapat siapkan dan dia tak start langsung dia lost tak tahu mana nak mulakan sebab apa, masa kita ditawarkan, kita ada seminggu seminggu setengah sahaja nak siapkan skrip tu sebab pihak TV station dah minta. So bila kita dah masuk kita dah agree apa semua dan kita faham kenapa orang tu[itu] tak tahu dimana nak mula sebabnya satu dia kisah benar, and then yang kedua ni dia ni memang seorang wira yang apa orang kata jadi panduan lah polis-polis diraja sekarang ni yang mana dia adalah seorang ikon yang sangat besar. Lepastu masa kita nak start tulis skrip tu[itu] diorang bagi satu macam ensiklopedia diorang buku tebal-tebal ni lepastu kita kena study kita baca. Bayangkanlah satu minggu setengah kita nak kena study tu lepastu nak kena compile kita kena siapkan skrip untuk satu jam setengah punya skrip dengan daripada yang banyak-banyak tu. Ada lagilah buku-buku lain yang diorang bagi untuk kita study. So apa yang kita buat emm... ada lagi satu buku tu, buku dia transkrip percakapan bekas-bekas komando ni diorang bercerita tentang pengalaman diorang dengan ASP Zabri ni dalam hutan. So kita , kita tau kalau kita duduk di rumah atau duduk around KL, kita takkan siap takkan dapat siapkan dalam masa satu minggu setengah tu[itu]. Satu kita nak membaca satu bila kita duduk di KL ni mungkin ada gangguan-gangguan yang orang kacau sikit pun benda tu[itu] akan terganggu. So kita tak nak kita terputus dia punya mood penulisan tu dan kita lari pergi ke Cameron Highland kita cari satu hotel bajet yang kira tengah hutan lah juga kita masuk situ kita kurungkan diri kat situ dan selama satu minggu memang kita dah hampir tak tidur lah. Apa orang kata kita dah masuk dalam cerita tu dah. Sebab 24 jam tengok buka mata taip buka mata taip lepastu[lepas itu] kita akan buka diorang punya transkrip diorang bagitu[bagi itu] apa dia part-part penting yang kita nak ambil semua. Sampaikan setiap scene yang memang feel habis yang membuatkan kita boleh menangis tak berhenti dekat situ bila kita rasa

dekat sangat dengan watak arwah ASP Zabri masatu. So tu antara skrip yang memang sangat dekat kat kita lahir sampai kita buat beberapa puisi based on dia punya tu-[gangguan sambungan internet], kebetulan pula lepas tu ada orang jemput untuk baca puisi hari merdeka kita bacakan puisi ASP Zabri tu lah. And then bila kita check balik rupanya kebetulan hotel yang kita ambil tu[itu] dia macam ada kat lembah cameron highland tu dia ada kat satu lembah rupanya lembah tu adalah lembah yang ASP Zabri dengan team dia pernah lalu. Cakap ooo... macam meremang bulu rompi dengar bila check dekat —[gangguan sambungan internet] dan dekat situ lah tempat diorang kena ambush. Cakap Ya Allah macam... macam bila disusun- susun kan so sangat melekat lah kan dihati. Kita jumpa ex-ex komando kawan-kawan dia anak buah dia kan kat Perak, kat perak diorang punya mess-mess diorang lah kan. So diorang puas hati lah bila bercerita pasal tu. Itu antara salah satu lah, itu antara the best lah! rasa yang terasa sangat. Kalau skrip yang lain tu macam untuk bulan puasa tu quite mencabar lah sebab kita kena penuh kan satu bulan 30 hari lebih kurang 30 tu setiap hari cerita yang berlainan. so harini cerita lain esok cerita lain tapi semua mesti berkaitan dengan ramadhan tentang berpuasa semua memang pecah kepala lah sebab bukan senang nak dapatkan cerita tu dan nak draft nak apa semua tu selama 30 hari. Lepas tu[itu] ada dua siri pulak tu. Siri lain-lain. Satu ditayangkan pagi dan satu ditayangkan petang semua tentang bulan puasa. Pastu itu tajuk dia seharum kasturi yang tadi tu ASP Zabri lepastu ada lagi satu siri cerita polis dia kira special squad lah kita nak namakan dia GSI Gempur Sindikit Intelek. GSI tu macam cerita mat saleh lah konon-konon lah kan ada siri GSI. Tapi kita tukarkan Gempur Sindikit Intelek. So cerita dia memang berkaitan polis yang menggempur sindikit-sindikit yang memang besar-besaran yang ada apa orang kata dia punya gerak kerja tu memang sangat-sangat macam orang pandai-pandai lah. So macam mana cara nak gempur diorang ni mestilah menggunakan teknologi moden jugak sebab konon-kononnya geng-geng yang sindikit ni diorang ada diorang punya teknologi sendiri sistem sendiri and then diorang punya big boss pon diorang ada security sendiri apa semua. Lepastu pemikiran diorang kalau diorang nak buat sesuatu jenayah tu[itu] diorang mesti melangkaui apa yang polis fikirkan contohnya lah kan, kalau kata kita buat bom dekat dalam kawasan hutan getah ni lepastu macam mana nak bagi takda sapa boleh kesan ada satu pergerakan dalam tu. So dia fikir macam mana polis nak kesan kalau kata diorang rasa polis dapat detect cara macam ni macam tu[itu] nampak contohnya polis nampak asap diorang akan buangkan asap tu.

Contohlah kan. Kalau kata daripada luar ada nampak kesan-kesan masuk dan diorang akan tutup. Jadi lebih kurang macam tulah[itu lah]. Yang tu 13 episod. Nak masuk second season producer dia meninggal tak dapat nak disambung lah cerita tu untuk second episod untuk pembentangan tu dia punya sinopsis tu masih ada sampai sekarang. Tu antara cerita-ceritanya yang lain-lain tu banyak lagi lah kalau komedi ada kita buat apa Sup Sayur Cendawan hah something like that lah tu cerita komedi. Ada berepisode lepastu emm... apa buah melaka hah lebih kurang macam tulah ada komedi kita tak ada tetapkan jenis-jenis macam setengah orang penulis dia akan tetapkan dia tulis cerita-cerita cinta jer. Hah macam kita tak. Kita buat semua cinta ker komedi ker seram ker cerita perang ker cerita fighting ker cerita kanak-kanak ker semua kita buat.

SNF : Adakah kerjaya puan memberi —[gangguan sambungan internet] untuk puan bertemu dengan pelbagai golongan masyarakat contohnya ahli politik — [gangguan sambungan internet]

SM : Lagging. Okay takpa janji kita dapat faham soalan dia tu. ya memang especially bila okay sebagai tak kisah lah sebagai pengarah ker penulis ker atau pelakon kadang-kadang kita orang dijemput untuk sesuatu majlis yang berkaitan dengan seni dan ada jugak yang berkaitan dengan contohnya macam pengarah kalau macam contohnya jakim kan dia nak bagi kefahaman tentang apa yang boleh apa yang tak boleh apa yang perlu kita highlight kan dalam sesuatu drama tu[itu] so dia akan jemput. Kadang-kadang pengarah dia ada semua jadi kita berpeluang lah kalau macam kalau —[gangguan sambungan internet] majlis kita pulak majlis —[gangguan sambungan internet] putus ker? [ambil bertanya] Farahin --- ? [gangguan sambungan internet]

SNF : Diantara kerjaya puan, yang mana satu yang paling menarik dan paling mencabar.

SM : Ermm.... paling menarik paling mencabar kalau nak kira palng mencabar masa peringkat awal lah maksudnya peringkat awal kita nak menceburkan diri nak masuk dalam dunia seni ni dia memang sangat susah. Sebab dulu tak macam sekarang. Dulu tak ada macam apa orang kata apa audition group ker dalam Facebook ker takda di post nak pelakon takda macam sekarang lah tak open lah so kita kena cari kena tau sendiri dekat mana nak dapatkan job dan kita kena pergi kat tempat-tempat production lah untuk

dapatkan tarikh audition and then bila audition dulu tu pun ramai tau ramai yang datang and then contact takda so sangat susah dan bila kita dah dapat masuk dalam line sebagai pelakon pulak cabaran yang paling besar tu adalah kalau untuk orang perempuan ni —[gangguan sambungan internet] pesan lah pada macam —[gangguan sambungan internet] kelas lakonan apa semua. Ada tiga perkara lah tiga perkara yang pertama jangan layan kadang-kadang ada yang —[gangguan sambungan internet] tak tak susah nak cakap lah daripada atas sampai bawah tak kira sapa-sapa mesti ada nak cuba ambil kesempatan dan banyak yang terjerumus sebab dengan janji-janji “okay kalau kau ikut aku kau akan dapat next job. Next job akan dapat watak utama bla..bla..bla...” so jenis yang ikut jer takda prinsip before masuk dalam bidang seni ni memang biasanya dia akan terkandas lah. Job tak dapat apa tak dapat dan hilang macam tu saja. Itu..itu yang paling besar lah sebenarnya kalau nak masuk dalam bidang seni itu lah yang paling besar. Sebab kita tengok macam sekarang ni ramai yang main famous dekat tiktok lah apa semua masuk jer dia tak bersedia. Bila dia tak bersedia lepas tu[selepas itu] dia akan buat sesuatu yang bodoh dan dia akan terkena lepastu akan kena kecam baru dia nak start belajar. So before dia masuk tu dia tak siapkan pagar tu[itu] siap-siap. The second one merokok. The third one minum. So kita memang sealu pesan tiga ni apa tu orang kata mendajalkan lah artis-artis perempuan. So sebab kita perhati kita tengok bila ada yang kata terpaksa hah terpaksa. Bukan terpaksa itu pada diri sendiri lah kan. Merokok sebab nak ikut trend hah sebabkan artis-artis lain merokok hah kalau tak merokok tak nampak style tak nampak stylo. So bila pergi kat tempat- tempat yang hiburan lah kan kadang ada yang bawa minuman lah semua tu kalau tak minum tak join. Disebabkan nak geng minum. So memang itu tiga perkara cabaran yang besar sangat lah pada perempuan yang baru nak naik. Itu yang main. Yang lain-lain lagi tu kena fikir sendiri lah kena faham bila masuk dalam dunia seni tu jangan fikir benda tu mudah jangan fikir bila ada rupa ada bakat bila masuk semua benda jadi senang lepastu sukahati jer orang pun senang nak tackle kita, kita pun senang nak melayan orang so kebanyakkan eh yang nak tackle-tackle tu yang nak try-try tu memang saja diorang nak memang nak try saja lah. Bila dah dapat okay bye-bye. Jenis-jenis diorang dah biasa jangan percaya jangan percaya semua orang. Kalau dah kata jodoh, jodoh dia akan datang lah kan kalau masuk nak ikhlas sebagai seorang pelakon nak lama dalam dunia lakonan ni fikirkan kerja yang lain tu kebanyakkan kemudian lah. Itulah cabaran untuk seorang perempuan lah laki pun ada jugak benda-benda macam tu kalau

tak jaga sama jugak sebab ada yang tawarkan duit bagi kereta besar lepastu bagi rumah duduk tiap-tiap bulan bagi 5[lima] ribu kalau fikir jalan mudah dia akan teruskan. Tanya artis-artis lama artis-artis popular mestinya ada orang offer okay 60[enam puluh] ribu sebulan lepastu pergi program-program yang entah apa-apa itu bagi 100[seratus] ribu tapi 100[seratus] ribu bersyarat lah kan hah kan. Kiranya cabaran itu lebih kepada benteng diri sendiri lah.

SNF : Macam yang puan bagitau tadi, parents puan macam tak setuju untuk puan terjebak dalam bidang lakonan.

SM : Emm..okay. yer betul.

SNF : Jadi siapakah yang mendorong puan untuk ceburi bidang—[gangguan sambungan internet] yang —[gangguan sambungan internet] puan —[gangguan sambungan internet] teruskan.

SM : Emmm.... sebenarnya takda siapa. Kita dorong diri kita sendiri sebab kita nak buktikan kepada ayah yang kita boleh hiduplah dalam dunia seni ni sebab dia memang nak sangat kita ikut family punya tradition lah semua jadi cikgu kan. so kita cakap tapi at last kita pun jadi cikgu jugak lah tapi cikgu dalam bidang seni ni. So, because of that lah sebab nak buktikan pada dia jadi kita bersungguh-sungguh lah sebab tu kita nak masuk Akedemi Filem dan kita nak belajar. maknanya kita masuk dalam dunia seni ni dengan ilmu lah bukan sekadar suka-suka untuk nak glamour. so ini memang punca pencarian rezeki kita lah tapi at the same time apa yang kita belajar sebelum ni accounting ker business ker apa kita tetap gunakan jugak. sebab kita tahu bidang ni memang apa-apa sahaja boleh berlaku jadi kita dah prepare untuk kehidupan kita lah dengan business yang kita buat.

SNF : Kiranya kalau puan tak belakon sebenarnya apa cita-cita puan?

SM : Emmm.... kalau tak berlakon kalau dulu memang sebab masatu kita nak jadi seorang accountant sebab kita nak lain daripada adik-beradik lain lah kan. melainkan daripada family ah tak nak jadi cikgu so kita nak jadi accountant. masatu kita tak tahu kalau nak buat business tu nak ambil bidang apa sebab masa sekolah pun kita cuma ada — kelas sampai sekarang pun ada lagi perdagangan kan? hah perdagangan apa semua. so kita ambil perdagangan. lepas perdagangan tu bila kita masuk ker higher education masatu accounting. dia dua-dua lah sebenarnya kita nak buat accounting sebab nak buat business. jadi bila kita nak buat business tau apa bidang yang sepatutnya kita ambil. tapi main target tu kita nak buat business sendiri hah maknanya takda nak bekerja dengan orang lah. so memang betullah kita belajar accounting tu diperlukan - - - business. so bila kita ambil LCC Higher Accounting masatu then baru kita betul-betul dapat belajarlah untuk buat business tapi business tu yang terlalu besar-besar sangat yang macambuka kilang lah apa semua macam mana nak kira untung kerja kilang ker apa semua then kita kecik kan sedikit kita buat jerlah apa yang kita mampu. hah gitu so itu yang kita mula-mula target. kita tak terfikir apa kita nak meniaga sebab kita takda apa orang kata sesiapa yang guide kan. untuk tunjuk kita nak meniaga apa yang boleh buat duit tak ada. So, masa kita tengah berlakon tu ada lah kita buat business kecik-kecik kita try bukak salon.selain dari bukak salon tu.

BAHAGIAN D: CABARAN

SNF : Bagaimana penerimaan keluarga terdekat terhadap keputusan nak menjadi seorang anak seni?

SM : Rasanya dah cerita tadi kot, keluarga, family semua okay. Ayah saja lah pada peringkat mula sebab dia tak nampak hasilnya, dia tak nampak macam mana dalam bidang ni. So bila kita tunjukkan yang okay kita dah kita buat mana yang betul, kita dijalan yang betul, kita tak buat benda yang hanky panky, lepastu dia tengok hasilnya, produknya keluar di tv. Lepastu adik beradik lain apa semua saudara mara pun datang rumah duduk bercakap, bercerita. So dia pun, dia tak bercakap kata dia okay. Dia tak cakap dia happy tapi bila kata macam (ketawa) sedara mara dia datang je ha semalam Shahriza keluar tv, tengok tak semalam. ha macam tu la kan. Ha jadi kita faham lah okay maknanya dia dah okay dia tak bercakap yes or no ke apa tapi dia bercerita.

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN/ANUGERAH

SNF : Okay, pernahkah puan menerima anugerah dalam menceburi kerjaya puan?

SM : Anugerah kalau macam festival filem tu takdelah kalau macam kalau cerita di tv kita berlakon tu dia banyak wrong timing. Kadang -kadang kita tengah shooting cerita yang belum ditayangkan lagi yang cerita tu memang lepastu memang meletup-letup. Ha memang popular sangat-sangat. So waktu tu diaorang buat festival untuk apa ni anugerah apa semua nilah. So takdapat dicalonkan. And then bila masuk tahun depan cerita ni dah apa orang kata terkeluar daripada time frame. Maknanya untuk tahun depan pulak cerita yang ditayangkan sekian, sekian, sekian. Lepastu ada tahun pulak producer sendiri tak mencalonkan, tak menghantar. Diaorang taknak bertanding. Jadi kita terlepaslah. Ha banyak yang kita terlepas (batuk). Kalau macam (berdehem) kalau macam pentas tu adalah a few yang macam kita cakap tadikan menang pengarah terbaik, drama terbaik, pelakon terbaik, ha itu adalah and then apa orang kata dapat buat ha apeni pementasan perdana dengan dewan Bahasa, dengan WKL dengan jabatan-jabatan besarlah tapi bukan dalam bentuk anugerah ke apa tapi itu pada kita

dah cukup besar lah kan sebab dapat ikut pementasan perdana. Anugerah lain tu masa sekolah tu adalah Masa sekolah tu macam biasalah macam best student in Bahasa Malaysia, Matematik, lepastu dapat adalah pertandingan-pertandingan dekat sekolah. Itu masa sekolah lah. Lepas sekolah ni lebih kepada bekerja, bekerja, bekerja, bekerja je maknanya shooting, shooting, shooting macam company yang kita ikut, producer yang kita ikut pun dia tak berminat untuk hantar pelakon-pelakon ni untuk anugerah kea pa semua tak tahulah mungkin dia takut bila pelakon-pelakon dia dah dapat ape ni pengiktirafan apa semua nanti semua lari kan. Ha lepastu apa orang kata demand kea pa. So dia tak hantar macam frust jugak waktu tu semua orang tanya kan kenapa siri pendekar ni tak dihantar kenapa siri spectra tak dihantar. Memang takde tau padahal siri tu siri- siri ni memang sangat popular masatu. Kira macam lebih kurang siri yang pukul 7 macam tu lah yang sekarang nikan. Tapi masa tu tak dihantar sedangkan cerita-cerita yang dulu tu ditayangkan prime time pukul 8 malam, pukul 9 malam. So itu jelah takde yang special-special, Anugerah yang besar-besaran peringkat Malaysia ni takde lagi kecuali yang masa teater je.

- NZI : **Boleh puan ceritakan pengalaman manis yang tak boleh dilupakan sepanjang menceburi bidang lakonan?**
- SM : (Berdehem) Pengalaman manis eh, hurm dia (ketawa) sama dengan pengalaman pahit lah sama banyak. Biasa saja kot maksudnya yang kiranya pada kita pengalaman manis tu bila kita dapat offer berlakon, ha lepastu kita dapat apa fulfill lakonan kita tu bagi yang terbaik dan bila kita jumpa peminat, kalau kata kita berlakon watak jahat, bila kita jumpa peminat, peminat marah-marah kita ha kalau kita berlakon cerita yang sedih-sedih kea pa semua bila jumpa diaorang, diaorang appreciate sangat-sangat. Ha masatu bila peminat dulu ni lain bila kita jumpa tu satu bas datang, terjumpa satu bas lah akan kerumun kita memang diaorang beminat sangat-sangat. So, rasa masatu yang paling manis bila dapat berjumpa peminat lah jadi kita tahu yang apa ni ramai yang tengok kita berlakon dan ramai yang support dan ramai yang suka lakonan kita. Yang paling manis itulah. Maknanya kita bekerja bersungguh-sungguh buat watak kita sungguh-sungguh. Kita..kita bila kita berlakon tu kita nak tahu sampai ke tak sampai kita tak mengharapkan 100 peratus pada director sebab ada director dia setengah tu dia jenis cepat puas. Okay,okay, okay tapi kalau macam kata kita tak puas, kita rasa memang tak sampailah. Memang tak cukup lah. So kadang -kadang kita akan mintak buat lagi sekali. Ha kalau kata kita menangis eah satu lagi contohnya kalau kita menangis, bila kita tengok balik

lakonan kita, kita tak menangis maknanya tak sampai lah tu. Ha so jadi kita akan mintak buat lagi sekali. Jadi sebab apa kita buat untuk orang tengok. Jadi bila kita menangis, bila peminat tengok dia pun menangis. Itu yang best tu. Jadi kepuasan tu sebenarnya terletak pada penonton. Penonton yang..yang orang kata jadi hakim lah daripada kita punya hasil tu. So dalam bidang lakonan yang paling manis apabila lakonan kita diterima oleh penonton. Okay. Kalau nak tanya macam dekat set tu sewaktu shooting biasalah, I mean sebab kita bekerja kan (batuk). So bila bekerja masing-masing semua concentrate on kerja je. Director dengan kerja dia, kita dengan kerja kita memang (bunyi) shoot, shoot action apa semua cut, habis, balik. Penat, habis, balik. So kiranya biasa je lah. Okay (batuk).

BAHAGIAN F: PENDAPAT/PANDANGAN

- NZI : Apakah pandangan puan terhadap industri seni tanah air zaman kini? Maksudnya zaman sekarang, pandangan puan?**
- SM :** Hurm sekarang ni kalau ikutkan dia dah memang meluas sebab kita ada banyak channel tv, macam dekat astro pon banyak channel, banyak ape ni drama, series yang di produce. Tapi mostly kira in house lah kan. Kebanyakkannya in house. Kiranya kalau bukan in house pun contohnya kalau astrokan dia ada dia punya barisan pelakon dia sendiri. TV3 pun dia ada pilihan pelakon dia sendiri. Masing-masing station semua ada pilihan dia sendiri. So susah sikitlah kalau macam orang yang baru nak masuk nak menceburkan diri ni kalau dia tak ada contact. So kalau pergi audition pon maknanya untuk melalui process tu susahlah kalau kata tak ada something special pada dia. Macam dulu dengan sekarang pon nak melepassi audition memang payah, tetapi sekarang ni bertambah payah pada kita, pada orang-orang baru kalau tak ada contact yang betul. Sebab kadang-kadang kalau macam mana eh, kalau ada talent tapi ini daripada dulu sampai sekarang sama lah. Ada talent yang cukup, bagus, berlakon bagus apa semua belum tentu belum menjamin kan you nak dapat watak yang di offer. Secara keseluruhan dalam industri sekarang ni dia macam masih susahlah. Untuk semua oranglah bukan untuk berlakon sahaja, untuk semua orang. Struggle tambah-tambah dalam keadaan yang sekarang ni satu lagi rate..rate pekerja. Samada pelakon,

pengarah penulis skrip ataupun kru-kru dia punya rate dia dulu dengan sekarang ada yang orang-orang lama masih mempertahan kan rate dia tetapi ada yang start memperdulikan siapa dia, orang lama ke, orang baru ke ikut suka hati dia nak bayar. Untuk pasal soal bayaran tu sampai sekarang benda tu masih tak dapat diselesaikan, masih takada satu garis panduan. Berapa puluh tahun orang ni bekerja dalam bidang ni sepatutnya kene bayar macam ni, untuk budak yang baru masuk, sepatutnya dia bayar macam ni. So benda tu tak ada maknanya sekarang ni untuk menentukan rate pelakon, kira pandai-pandai sendirilah kalau kata you rasa you sekarang ni okay tengah top, tengah popular, tengah memang semua orang nak you. Kalau you berani demand, you demand sendiri-sendiri lah. So kalau you salah demand, producer tu cop budak baru ni baru berlakon dua tiga hari dah demand. Benda tu akan spread sekejap je. Kalau you punya luck baik, orang akan datang ambik kalau you punya luck tak baik semua producer taknak. So bila ada yang suggest ha tak payah lah dia tu demand lah lebih apa semua. So kira masuk je dalam dunia seni ni banyak benda yang nak kene jaga. Banyak benda yang kadang-kadang takde benda pon. Kadang-kadang you tak buat sesuatu benda tetapi dia punya gossip, dia punya news tu orang bercakap. Orang ni cakap, orang ni cakap, orang ni cakap, orang ni cakap, lepastu sampai dekat orang yang terakhir tu akan jadi cerita yang lain-lain. Benda yang kita tak buat satu...satu..satu industri tu kata you buat benda tu lepastu semua orang reject, reject, reject you perlahan-perlahan padahal you kene fitnah. Banyak jadi bukan pada sorang tapi pada ramai. Bukan pada artis saja,tapi pada kru, pengarah, pon ada yang kene. So kira sepak terajang dalam dunia seni ni sebenarnya sangat-sangat orang kata kalau siapa tak kuat mental dan fizikal memang tak boleh berada dalam dunia seni lah. Yang lain-lain makna siapa yang tengok sekarang ni yang ada dalam dunia seni ni dalam industry ada lah orang-orang yang memang dah lalui sepak terajang tu semua. Memang..memang dah kuatlah. So kalau you memang kuat mentally physically memang you boleh redahlah. Lepas tu telinga kene apa orang kata telinga kene tebal lah. Maknanya bila telinga tebal, sebab industri kita ni kecil walaupun sebenarnya kalau tengok secara orang kata technically production house beratus-ratus ada tapi bukan semua aktif. Jadi dalam beratus-ratus tu mungkin yang aktif beberapa saja kot. Sebab tu semua berebut-rebut. Mungkin dua puluh, mungkin tiga puluh. Jadi kita ada kru yang ramai, kita ada artis yang ramai. Lepastu and then bila drama yang di approve, skrip yang di approve, setiap kali semuanya bukan semua serentak. Mungkin untuk shooting bulan ni cuma ada sepuluh

production sahaja. Sepuluh production tu lah yang nak dibahagikan sikit sorang sikit, sorang sikit tu. Jadi sape yang nasib baik sape yang boleh tebus semua dia punya apa orang kata cabaran dia lepaslah. Sebab apa dalam dunia seni ni sampai sekarang ni pon dia tak ada benda yang sahih tau. Maksudnya kalau kata you dapat offer harini, okay telefon *"kak minggu depan akak free tak?"* okay free. Dah bagi date sekian-sekian. *"Okay saya nak booking akak ni. Ada satu watak"* (bla..bla..bla). Okay then dah deal harga semua settle semua, dah block date apa semua. Sampai esok nak shooting, malam ni pon boleh lagi kene reject. Itu antara cabaran dialah. Kadang-kadang kita dah ada dapat dua job, tiga job. Yang lain kita dah tolak, kita dah bagi dekat dia tiba-tiba kene reject. Lepastu ada yang bagi alasan kata – [gangguan jaringan internet] —Tapi tuhan nak tunjuk esok lusa kita tengok ada keluar orang post gambar tengah shooting cerita tu. Adalah ha mungkin apeni producer dah setuju, tv station dan setuju katakanlah dah confirm, Tiba – tiba director pulak taknak kita suruh tukar. Dia tak peduli dah maknanya takde belas kasihan. Just reject macam tu saja. So benda tu pon masih berlaku lagi. Dia kalau kira secara secara keseluruhan industry, kitab oleh katakan industry player yang besar-besar saja yang memang mungkin takde masalah lah contohnya kalau macam penerbit filem katalah apeni, (berdehem) SKOP Production, Metrowealth yang memang..memang diaorang boleh hiduplah macam mana, apa saja pun lah kan. Tapi bukan semua, and trhen bukan kata orang seni, pelakon, kru saja yang ada masalah. Producer kecik-kecik pon ada masalah. Banyak masalah. Kadang-kadang producer kecik – kecik ni diaorang pergi pesentation, dapat job tapi kalau kata dapat setakat satu siri ataupun dua siri, tiga siri drama untuk setahun macam mana nak hidup. Memang,,memang susahlah so kalau mungkin orang Nampak apa yang dibentangkan ataupun diceritakan di media social apa semua tu, semua yang best-best. Okay yang yang ni tengah bom, yang ni tengah shooting, Artis pon updateelah semua tengah shooting tapi hakikatnya masih banyak yang takde job ni bukan setakat orang-orang baru, orang-orang lama pon suffer. Jadi dia nak kata macam mana ye, industri seni masih belum ada system yang bbleh menyusun, yang boleh membentuk satu system yang cantiklah untuk orang seni. Maknanya talde yang tersusun. Persatuan pon kita ada banyak persatuan. Ha mungkin kita punya persatuan selalu ada meeting lah, ada apa semua. Mungkin persatuan ada buat collaboration persatuan ni, dengan persatuan ni lah apa semua tetapi belum dapat lagi satu orang kata macam..macam satu parlimen lah tak dapat bentuk satu parlimen yang cantik untuk orang-orang seni

yang mana orang – orang seni terjamin masa depan, terjamin dia punya survival untuk setiap bulan. Memang terus terang kita cakap belum terjamin lagi sampai saat ini. Kalau kata betul – betul terjamin tu kiranya sampai ke extra pon dapat orang kata income bulanan yang tetap dan barulah terjamin utuk anak- anak seni. Kalau kata extra paling busuk la budak baru masukkan okay terjamin kalau kata keluar daripada UiTM ke keluar dari mana- mana institusi kan okay dah terjamin gaji dua ribu sebulan confirm dapat buat cerita apa, watak apa confirm dapat. Bila ada susunan tu baru rasanya mak bapak pon boleh lega kot kalau anak – anak masuk dalam bidang ni. Ha panjang lebar okay (ketawa).

BAHAGAIAN G: HARAPAN

- NZI : Berbalik kepada soalan nombor dua tadi apakah yang diharapkan oleh puan sendiri terhadap industri seni tanah air untuk terus berkembang.
- SM : Emm okay. Kita sangat mengharapkan supaya ada seseorang ataupun sesuatu jabatan tak tau lah tak kisah lah diperingkat seeloknya di peringkat satu body yang besar lah sama ada kerajaan atau sesiapa sahaja yang boleh menyusun selaraskan bidang seni ni didalam satu kelompok yang besar sebab bidang seni ni luas kan dia bukan sahaja orang kata termaktub kepada anak-anak seni filem sahaja drama sahaja sebab dia kita ada iklan kita ada apa benda benda yang berkaitan lah dengan seni ni. Kalau dapat disusun diselaraskan macam bidang pekerjaan yang lain contohnya guru-guru kan ada jabatan ada yang teratas sekali yang menyusun siapa yang dah lama berpengalaman sepatut nya dia dimana yang baru masuk macam mana orang baru ni patutnya ada ilmu belajar dulu tak semestinya ada sijil tapi ada pengalaman dan di categorise kan maksudnya gaji untuk sekian-sekian begini gaji untuk sekian-sekian begini jadi kita dapat tau benda itu macam mana ada guideline kepada orang lain producer ataupun produser baru ker nak amik orang-orang lama berlakon supaya tak sesuka hati lah nak meletak harga macam pelakon yang baru sehari berlakon contohnya kalau pelakon lama sehari dibayar seribu ataupun dua ribu ker itu minimum tetapi ada yang ambil kesempatan nak bayar seratus dua ratus sahaja dan sekarang masih lagi berlaku perkara tu dan diorang tidak pedulikan siapa dia orang lama ker orang ekstra ker. Dia nak orang yang bagus berlakon dia nak dia punya drama tu lancar dia nak cari orang-

orang yang pandai berlakon yang ada ilmu berlakon tetapi dia tak nak bayar ekstra lebihlah maksudnya bersesuaian. So kalau ada jabatan yang dapat menyusun semua tu(itu) yang mana yang kita nampak mustahil nak berlaku di Malaysia sebab kita pun berada di perjuangan yang sama dah[sudah] berpuluhan tahun benda tu tak nampak pergi ke mana-mana tetapi harapan tu masih ada kalau dapat diselaraskan semua dalam satu parlimen lah —[gangguan sambungan internet] insya Allah bidang seni ni akan menjadi satu bidang yang selesa lah untuk orang nak ceburkan diri dalam bidang seni dan orang akan nampak a-- ada kekuatan ;lah dekat situ. Jadi kalau macam anak-anak budak-budak baru nak masuk nak join bidang seni pun mak bapak tanya “*apa jaminan masa depan kau takda EPF takda[tiada] pence[men] lepastu gaji tak menentu kau takkan tak tau sekarang ni kalau berlakon mesti nak kena ada rupa cantik kau ni siapa nak pergi berlakon*” jadi atleast bila ada garis panduan bila ada sesuatu yang memang dah[sudah] termaktub memang cantik untuk orang anak-anak seni yang betul-betul berbakat ni tak kira rupa tak kira apa jadi mak bapak pun seronok lah kan. Itulah harapan kita.

- NZI : Okay soalan terakhir, apakah nasihat terbaik yang puan ingin sampaikan kepada masyarakat supaya mereka dapat aplikasikan dalam kehidupan mereka?
- SM : Emm.... kalau kita tengok sekarang kan , masyarakat memang involve lah involve dengan drama-drama yang ditayangkan cerita-cerita yang ditayangkan di TV[television] memang masyarakat sangat involve especially cerita-cerita yang tak baik semua orang akan bercakap semua orang akan bercerita dan kata —[gangguan sambungan internet] tak patut ditayangkan,, so kalau cerita-cerita yang baik tu semua orang akan suka lah sebab sesuai untuk semua peringkat. So —[gangguan sambungan internet] satu yang sangat baiklah. So disitu kita nampak masyarakat memang boleh terimalah bidang seni ni so kita mengharapkan apa sokongan dari masyarakat tu berterusan hah dan mengharapkan apa sahaja kritikan cadangan itu dibuat secara berhemah lah jangan menjatuhkan sebab dalam pada banyak-banyak yang menyokong tu banyak juga yang menjatuhkan. Yang sampai ke tahap menjadi cyberbully dan berada dalam bidang ini dah memang sesuatu yang sangat sukar so apabila di kecam lagi di hina lagi tak kira budak baru ker budak lama ker jadi macam sesuatu yang terlalu berat lah sebab kalau tengok kan ada yang sampai depression apa semua kan. Itu dari segi itulah kita minta kefahaman masyarakat . ada juga yang —[gangguan sambungan internet] ke tahap sampai menghina apa semua dan ada perkara yang diorang tak faham tentang dunia

seni ni yang mana diorang mintak kita kenapa tak buat macam tu kenapa tak buat macam ni tapi sebab diorang tak faham mungkin suatu hari diorang akan faham. Dari segi lain kita mengharapkan kalau diorang bersama-sama dengan kita contohnya sekarang memang dari dulu lagi memang selalu diadakan program event karnival apa semua yang mana artis atau orang-orang seni akan turun padang kan bersama dengan masyarakat ada yang melalui program amal. So ambil peluang tu untuk mendekati beramah mesra berbual lah apa. Mungkin masa tu kita boleh bertukar tukar pendapat apa semua kan ataupun boleh sahaja macam sekarang ni semua artis ada media sosial masing-masingkan boleh sahaja jangan takut-takut. Yang cakap sebelum ni lah banyak lah “*alah aku komen kat page dia ni semua tak pernah jawab pun*” . lepastu[lepas itu] ada pulak yang cakap “*Ni betul ker*” kalau kita jawab dia akan cakap “*entah-entah ni PA ni*”. so bukan semua artis ada PA dan bukan semua artis tak da masa untuk menjawab. Kadang-kadang dia mungkin tak boleh menjawab time tu dia busy shooting tapi sekali sekala dia akan check media sosial macam kita sendiri lah kita sendiri memang sentiasa ada masa untuk kita punya media sosial memang kita akan reply hampir ke semua apa komen-komen orang. So kita mengharapkan diorang punya perception tentang artis anak-anak seni ni jangan mengikut apa orang kata kadang-kadang orang suka menyampai-nyampaikan dia gini dia gitu apa semua kalau boleh bertanya terus. Macam kita sendiri pun sebagai artis dengar orang bercakap pasal kawan artis sorang lagi bercerita pasal dia kita masuk telinga kanan keluar telinga kiri sebab kita tidak tahu benda itu sahih ataupun tidak. Then kita takkan masuk campur kecuali kalau benda tu dah sampai pada kita orang dah bercakap semua dan kita akan tanya kebenaran dia lah. Especially kalau benda yang kita nampak didepan mata kalau dia benda tak salah tapi orang bercakap cerita. The problem is masyarakat kita ni kebanyakkan bila kita cuba bercakap benda yang betul nak menjernihkan keadaan kita balik yang kena bantai. Itu yang susah tu. So kita mintak orang kata kalau boleh tu biar kita ha apa orang kata berbincang berbual ataupun berkomen diruangan komen tu biarlah masing-masing secara terbuka jangan orang kata ekstrem sangat ikut masing-masing punya pandangan. Kita cubalah belajar untuk menerima pandangan dan hakikat yang sebenarnya. Itulah jer yang kita mengharapkan daripada masyarakat untuk sama-sama memahami lah.

SNF :
Puan, ada satu soalan tambahan saya berminat nak tanya, apakah nasihat terbaik yang pernah orang berikan kepada puan dan puan aplikasikan sehingga sekarang.

SM :
Kalau kata sekarang yang pertengahan tu memang kita dah proceed dengan kerja kerja, kalau nak kata nasihat terbaik tu mula-mula kita masuk dunia lakonan — [gangguan sambungan internet]— yang mana kita dapat daripada arwah guru kita lah yang first sekali mengajar kita untuk mendalami setiap watak tu. Jadi dialah yang banyak mengajar kita macam mana cara untuk menggunakan pernafasan dengan betul dan dengan menggunakan pernafasan yang betul tu kita akan dapat watak yang kita nak. Sampai saat ini lah contohnya kalau kita hendak menangis pernafasan macam mana yang diguna dan apa orang kata dan dicampurkan dengan sejarah watak itu sendiri dan itu yang saya pegang sampai sekarang dan itu memang sangat-sangat menjadi lah.

TAMAT BAHAGIAN G

PENUTUP

Dengan ini tamat lah sesi temubual seniman veteran tanah air iaitu pengalaman dan sumbangan Puan Shariza Mahmud di sepanjang sebagai seniman veteran tanah air. Jadi kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Dan adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang lakonan di masa akan datang. Sekian terima kasih.

5.0 RALAT

Sepanjang sesi temubual ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang terjadi yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan tersebut adalah:

1. Bunyi batuk.
2. Bunyi suara -suara dalam bilik
3. *Lagging*.
4. Suara kurang jelas.
5. Jaringan Internet yang kurang baik

6. Perlu memasuki pautan Zoom yang berlainan melebihi 3 kali disebabkan oleh masa untuk merekod untuk satu slot hanya selama 45 minit sahaja.

Walaubagaimanapun, semua masalah dan halangan semasa sesi temubual dapat diatasi dan sesi temubual tetap berjalan dengan baik dan lancar.

6.0 LOG TEMUBUAL

Nur Zubaidah Izzati dan Siti NurFarahin menemubual Puan Shahriza Mahmud yang dilahirkan pada 25 Oktober 1965 di Alor setar, Kedah. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Zoom untuk mengetahui mengenai latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup beliau sebagai seorang pelakon, penulis skrip, pengarah, dan juga pensyarah.

LOG	TOPIC	SUBJECT
0:40 – 6:50	Latar Belakang Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> - Nama tokoh Shahriza Mahmud - Berumur 58 tahun. - Dilahirkan pada 25 Oktober 1965 - Dibesarkan di anak bukit Alor setar Kedah - Mempunyai 6 orang adik beradik perepuan, 1 orang meninggal. - Genap setahun kehilangan ibu. - Ayah bernama Mahmud Bin Ismail. - Sebelas tahun mendirikan ruah tangga. - Gemar camping di tepi sungai, tapi laut, dan tepi pulau. Swimming dan diving. - Meluangkan masa berkumpul makan - makan dengan family husband.

06:52 – 19:35	Sejarah Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Ikut mak ayah sebab mereka mengajar dan dihantar untuk mengajar ke Kawasan utara kedah. - Form 3 bersekolah menengah di Teknik Ipoh. - Mendapat Scholar Ship Mara ke Tar Collage. - Bekerja dalam bidang accounting sehingga form 6 STPM Pre U. - Melanjutkan diri ke Akademi filem diploma selama 3 tahun. - Ambil bidang computer programming sebelum masuk ke Akademi Filem. - Seorang yang sangat pendiam dan pemalu. - Teater sebenarnya titik mula dimana mula belajar bercakap - Aktif dalam sukan netball - Pernah mengikuti pertandingan membaca puisi dalam Bahasa Inggeris semasa tingkatan 1.
19:36 – 1:15:45	Kerjaya dan Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> - Pernah menjadi seorang ahli account department sebagai junior accountant. - Masih giat berlakon sehingga kini. - Dari segi penulisan skrip, bermula daripada teater lagi sudah menulis skrip. - Menulis untuk RTM, TV3, Astro. Macam-macam jenis penulisan untuk pementasan ada buat jugak translation macam daripada artikel English kepada Bahasa Malaysia.

		<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan seorang pensyarah bebas dalam acting, writing, editing, dan directing. - Selepas SPR, meneruskan pelajaran dalam Science Stream. - Menghasilkan cerita ASP Zabri yang merupakan seorang komando yang melawan komunis. - Penghasilan skrip dalam bulan puasa yang sangat mencabar oleh kerana perlu penuhkan satu bulan 30 hari dan lebih kurang 30 setiap hari cerita yang berlainan. - Mendorong diri sendiri kerana hendak buktikan kepada ayah bahawa boleh hidup dalam dunia seni kerana beliau sangat mengikut tradisi keluarga untuk semua menjadi cikgu.
1:16:35 – 1:26:20	Pencapaian dan Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak pernah memenangi anugerah festival filem kerana cerita di tv kebanyakannya berlakon wrong timing. - Masuk tahun depan cerita tersebut sudah terkeluar daripada time frame - Terdapat tahun diana producer sendiri tidak mencalonkan, dan menghantar dimana mereka tidak mahu bertanding. - Pernah memenangi pengarah terbaik, drama terbaik, dan pelakon terbaik. - Pengalaman manis apabila dapat offer berlakon, dan kita dapat apa fulfill lakonan itu bagi yang terbaik dan dapat jumpa peminat.

		<ul style="list-style-type: none"> - Paling manis bila dapat berjumpa peminat dan tahu bahawa ramai yang tengok berlakon dan ramai yang support dan ramai yang suka lakonan beliau. - Dalam bidang lakonan yang paling manis apabila lakonan diterima oleh penonton.
1:26:20- 1:46:46	Pendapat dan Pandangan	<ul style="list-style-type: none"> - Masing-masing station semua ada pilihan dia sendiri. Jadi susah sikit kalau orang yang baru nak masuk nak menceburkan diri kalau tak ada contact. - Sekarang ni bertambah payah pada kita, pada orang-orang baru kalau tak ada contact yang betul. Sebab kadang-kadang, kalau ada talent yang cukup, bagus, berlakon bagus belum tentu belum menjamin kan you nak dapat watak yang di offer.
1:46:46 – 2:00:15	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> - Mengharapkan supaya ada seseorang ataupun sesuatu jabatan diperingkat seeloknya di peringkat satu body yang besar sama ada kerajaan atau sesiapa sahaja yang boleh menyusun selaraskan bidang seni ni didalam satu kelompok yang besar. - Kalau dapat disusun diselaraskan macam bidang pekerjaan yang lain contohnya guru-guru kan ada jabatan ada yang teratas sekali yang menyusun siapa yang dah lama berpengalaman sepatut nya dia dimana yang baru masuk macam mana orang baru ni patutnya ada ilmu belajar dulu tak semestinya ada sijil tapi ada

		<p>pengalaman dan di categorise kan maksudnya gaji untuk sekian-sekian begini gaji untuk sekian-sekian begini jadi kita dapat tau benda itu macam mana ada guideline kepada orang lain producer</p> <ul style="list-style-type: none"> - kita nampak masyarakat memang boleh terimalah bidang seni ni so kita mengharapkan apa sokongan dari masyarakat tu berterusan dan mengharapkan apa sahaja kritikan cadangan itu dibuat secara berhemah lah jangan menjatuhkan sebab dalam pada banyak-banyak yang menyokong tu banyak juga yang menjatuhkan. - Nasihat terbaik tu mula-mula kita masuk dunia lakonan yang mana dapat daripada arwah guru yang first sekali mengajar kita untuk mendalami setiap watak. - cara untuk menggunakan pernafasan dengan betul, dan dengan menggunakan pernafasan yang betul kita akan dapat watak yang kita nak. - Contohnya kalau kita hendak menangis pernafasan macam mana yang diguna dan dicampurkan dengan sejarah watak itu sendiri dan itu yang saya pegang sampai sekarang.
--	--	--

7.0 HASIL KAJIAN

Shahriza Mahmud merupakan satu nama yang tidak asing lagi dalam dunia lakonan masa kini. Shahriza Mahmud dilahirkan pada tanggal 25 Oktober 1965. Beliau dilahirkan di Anak Bukit, Alor Setar Kedah dan kini beliau menetap di Kuala Lumpur atas urusan kerja. Beliau merupakan anak kepada guru. Oleh kerana ibu bapanya yang bekerja sebagai guru, Shahriza Mahmud memulakan alam persekolahan beliau semasa darjah satu di kawasan Utara Kedah. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran tingkatan tiga di Sekolah Menengah Teknik Ipoh dan mendapat Scholar Ship Mara untuk melanjutkan pelajaran ke Tar Collage. Beliau bekerja dalam bidang accounting sehingga tingkatan 6 STPM Pre U. Beliau juga menyertai akademi filem diploma selama 3 tahun. Walaupun merupakan seorang yang pendiam bukanlah penghalang buat Shahriza Mahmud untuk giat aktif dalam seni teater. Hal ini kerana dari situ beliau mula belajar bercakap. Dalam masa yang sama, beliau juga merupakan seorang junior accountant di accounts department. Akibat daripada terkena jangkitan kencing tikus 2 tahun lepas, kesihatan beliau kurang memberangsangkan.

Beliau menyatakan bahawa beliau mula menulis skrip bermula di teater. Beliau juga ada enulis untuk RTM, TV3, malahan Astro, dan juga penukaran Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia untuk artikel. Selain daripada itu, beliau juga merupakan seorang pensyarah bebas yang mengajar berkaitan dalam bidang lakonan, penulisan, dan juga pengarah. Terdapat banyak cerita yang dihasilkan oleh beliau, antaranya ialah ASP Zabri yang merupakan sorang komando yang menentang Komunis. Hasil dorongan beliau sendiri, beliau berjaya menjadi seorang pelakon, pengarah, penulis skrip dan juga pensyarah. Bukan itu sahaja, beliau juga pernah memenangi anugerah, pengarah terbaik, drama terbaik, dan juga pelakon terbaik. Baginya, pengalaman yang paing manis adalah apabila beliau dapat berjumpa dengan peminat dan peminat dapat menerima serta menyokong lakonannya. Besarlah harapan beliau untuk masyarakat dapat terus menyokong, menerima dan membuat kritikan secara berhemah.

INDEKS

A

Anak Seni
33,38,39,40

P

Pelakon
1,6,7,8,10,11,19,2,23,24,25,29,34,35,36,37,38

Pengarah

1,6,7,11,19,20,23,24,25,29,33,36,47

B

Bidang
8,9,10,11,12,16,18,22,23,30,31,32,33,34,
35,36,38,39,41

Penulis

1,3,6,7,11,12,19,20,23,24,25,26,27,29,36

S

L
Lakonan
7,8,9,10, 12,18,19,23,30,34,35,41,44,45,46,47

Skrip

1,2,6,11,16,19,20,23,24,25,26,27,28,36

T

Teater

7,19,21,22,23,26,34

RUJUKAN

Dewan Bahasa Dan Pustaka (2017), *Seniman*,<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seniman>

Farihad Shalla Mahmud, Serimah Mohd Sallehuddin (Ogos 2, 2021), *Artis veteran susut nilai*,<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>

Ridzuan Abdul Rahman (2022, November 26). Kehidupan Shahriza Mahmud makin sukar. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2022/11/908517/kehidupan-shahriza-mahmud-makin-sukar>

Ridzuan Abdul Rahman(Januari 9, 2021) *Shahriza Mahmud sudah sedarkan diri*,<https://www.hmetro.com.my/rap/2021/01/662006/shahriza-mahmud-sudah-sedarkan-diri>

LAMPIRAN

Lampiran 1 - Surat Kebenaran



KEPADA SESIAPA YANG BERKIRIMAN

Tuan/Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Bil	Nama	No. Pelajar
1	NUR ZUBAIH IZZATI BINTI ABDULLAH	2020477194
2	SITI NURFARAHIN BINTI MOHD RADZUAN	2020602814

Adalah diintakurkan bahawa senama di atas merupakan pelajar dan LIAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (MEPUJIAN) (IM249), bahagian (4) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka wajib ORAL DOCUMENTATION (JMP004).

2. Pihak kami menghargai kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kita rundingkan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Pernyataan diatas ini adalah wajib untuk melengkapkan surat tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi di telak 0187842678.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sekarang, terima kasih.

Pendlong Pendaftar Kanan
Ble TAMBALAS: REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Bandar Tunu, 16300 Alor Setar, Kelantan
Tel: (+609679 2000) 2632266 Faks: (+609679 2136)
Emael: utmkhal@utmk.edu.my



Lampiran 2 - Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

SHAHRIZA MAHMUD

Tarikh: 24 Januari 2023
Surat perjanjian ini bertujuan untuk mengesahkan perjanjian yang telah disetujui pada

di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengalaman, penyelidikan dan penyebarluasan tanpa melibatkan sasaran/tuntutan dari maklumat atau maklumat yang diberikan. Walaubaga manapun bagi tujuan berlainan daripada yang tersebut, persetujuan daripada token perlu dicermati.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk menyampaikan kerajaan dan boleh mengambil alih apa bantahan yang dilakukan perlu bagi memelihara rakaman dan transkripsi.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkripsi ini berulang kali untuk maklumat token interviewee.
4. Rakaman dan transkripsi ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan saran:-
 - a. Apabila perikan dambil dari rakaman/transkripsi ini untuk digunakan di dalam penerbitan, teks ditularkan (tolok) hendaklah dikuasai oleh penyelidik-penyeidik.

SHAHRIZA MAHMUD

(Nama tokoh)

Tarikh: 24 Januari 2023

(Nama penyelidik)

D.Bekan

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Lampiran 3 - Soalan Temubual

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh dan juga nama panggilan Puan?
2. Bilakah Puan dilahirkan?
3. Puan dilahirkan dan membesar di mana?
4. Puan mempunyai berapa orang adik - beradik?
5. Apakah nama ibu dan ayah puan?
6. Boleh puan ceritakan sedikit tentang latar belakang mereka?
7. Boleh saya tahu, bilakah Puan mendirikan rumah tangga?
8. Siapakah nama suami puan
9. Berapakah umur suami puan?
10. Sekarang puan tinggal di mana?
11. Apakah motto hidup Pua yang dipegang dari dulu hingga kini?
12. Apakah hobi Puan?
13. Apakah aktiviti yang dilakukan bersama keluarga pada masa lapang atau di hujung minggu?
14. Bagaimana Puan seimbangkan kehidupan berkeluarga dengan bidang yang diceburi?
15. Adakah Puan merasa masa yang terluang bersama keluarga terlalu singkat disebabkan jadual lakonan yang tidak menentu?

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

16. Tentang sejarah pendidikan, boleh puan ceritakan sejarah pendidikan puan?
17. Adakah Puan melanjutkan pelajaran selepas tamat zaman persekolahan?
18. Adakah Puan aktif di peringkat sekolah?
19. Adakah puan pernah melibatkan diri dalam mana-mana pertandingan lakonan?
20. Zaman persekolahan merupakan zaman paling mencabar, boleh puan ceritakan pengalaman puan semasa zaman tersebut?

BAHAGIAN C: KERJAYA

21. Selepas tamat pengajian, puan bekerja sebagai apa?
22. Difahamkan, puan juga merupakan seorang pelakon, pengarah, penulis skrip, dan juga pensyarah. Jadi, boleh Puan ceritakan serba sedikit tentangnya?
23. Adakah puan merupakan seorang pensyarah tetap?
24. Apakah subjek yang diajar oleh puan di Universiti?
25. Sepanjang puan menjadi pengarah, berapakah drama yang puan sudah hasilkan? Dan bolehkah Puan senaraikan antaranya?
26. Bagaimanakah puan boleh berminat untuk menjadi seorang penulis skrip?
27. Boleh puan senarai kan antara tajuk hasil penulisan skrip puan?
28. Bagaimanakah puan membahagikan masa puan dengan kesemua kerjaya puan?
29. Adakah kerjaya puan ini memberi peluang kepada puan untuk bertemu dengan pelbagai golongan masyarakat seperti ahli politik, tokoh pemimpin dan ahli perniagaan?
30. Di antara kesemua kerjaya puan, yang mana satu yang paling menarik dan mencabar?
31. Adakah puan pernah terlibat dalam pementasan teater?
32. Bagaimanakah boleh terjebak dalam dunia lakonan?
33. Siapakah yang mendorong puan dalam menceburti bidang lakonan?
34. Sekiranya tidak menjadi seorang pelakon, apakah sebenarnya cita-cita puan?
35. Apakah filem pertama yang dilakonkan?
36. Berapakah anggaran gaji yang diterima oleh puan?

37. Adakah bayaran yang diterima setimpal dengan komitmen yang diberi?
38. Seingat puan, berapakah bayaran yang diperoleh sewaktu awal kemunculan dahulu dan bezanya dengan sekarang?
39. Siapakah pengarah yang paling gemari?
40. Adakah puan akan berbincang dengan ahli keluarga dahulu sebelum menerima sesuatu watak?
41. Apakah kriteria yang puan cari dalam menerima sesuatu watak?
42. Sepanjang penglibatan puan dalam bidang lakonan, watak apakah yang memberi kesan hebat terhadap kerjaya?
43. Siapakah yang sering digandingkan bersama dalam filem dan drama?
44. Siapakah seseorang yang puan anggap sebagai rakan seperjuangan yang tidak boleh dilupakan jasanya dalam bidang seni?

46. Adakah puan mempunyai idola dalam meneruskan karier seni?
47. Adakah puan mudah untuk menghafal skrip?
48. Apakah cabaran yang puan hadapi dalam lakonan?
49. Bagaimanakah sikap pelakon-pelakon seperjuangan?
50. Adakah pelakon senang bertolak ansur?
51. Cabaran bekerja pada hari pertama?
52. Bagaimanakah puan menyesuaikan diri berada di set penggambaran di awal kemunculan dahulu?
53. Boleh puan ceritakan serba sedikit jika terdapat sebarang permasalahan sewaktu menuju ke set penggambaran?
54. Adakah terdapat isu - isu yang serius sewaktu bekerja di set penggambaran?
55. Adakah teknologi pada masa dahulu dan sekarang berbeza?
56. Apakah keistimewaan bidang lakonan ini kepada puan?
57. Berdasarkan pengalaman, puan boleh terangkan apakah kebaikan dan keburukan dalam menceburi bidang lakonan?
58. Adakah puan mempunyai media sosial seperti facebook, Instagram dan tiktok untuk peminat mengikuti perkembangan?

59. Adakah Puan mempunyai penolong peribadi untuk menguruskan jadual lakonan?
Adakah ia sangat membantu?
60. Drama apakah yang dibintangi puan yang memberi kesan yang sangat mendalam kepada kehidupan?
61. Buat masa sekarang, puan sedang menjalankan penggambaran apa ya? Boleh ceritakan tak ianya sebuah telefilem atau drama?
62. Apakah cabaran yang menghalang puan dari mendalami watak dalam sebuah naskah?
63. Adakah puan telah berpuas hati dengan karya yang disumbangkan sepanjang bergelar anak seni?
64. Adakah terdetik di hati puan ingin berhenti menjadi seorang anak seni?
65. Bagaimana puan memotivasi diri untuk meneruskan bidang ini?
66. Di antara kesemua kerjaya puan, yang mana satu yang paling menarik dan mencabar?
67. Seperti yang kita sedia maklum sesetengah artis ada menubuhan satu perniagaan mereka sendiri sebagai pendapatan tambahan. Adakah puan juga turut begitu? Jika ya boleh ceritakan sedikit tentangnya?
68. Dari manakah mendapat idea untuk meniaga?
69. Apakah yang puanjadikan panduan dalam perniagaan?
70. Apakah nasihat terbaik yang pernah orang sekeliling berikan dan puan aplikasikan sehingga sekarang?

BAHAGIAN D: CABARAN

71. Adakah puan mendapat persetujuan dari ibu bapa untuk menceburi bidang lakonan?
72. Bagaimana penerimaan keluarga terdekat terhadap keputusan ingin menjadi seorang anak seni?
73. Adakah puan pernah lalui pelbagai tohmahan semasa awal penglibatan dalam bidang lakonan dahulu?
74. Bagaimanakah puan menerima kritikan orang sekeliling sepanjang bergelar anak seni?
75. Apakah cabaran yang sering dilalui oleh pelakon dan krew-krew di set penggambaran?
76. Seperti yang kita sedia maklum, puan melakukan banyak pekerjaan. Selain daripada bidang lakonan, bolehkan puan ceritakan pengalaman dan cabaran puan mengenainya?

BAHAGIAN E: PENCAPAIAN/ ANUGERAH DAN SUMBANGAN

77. Pernahkah puan menerima anugerah dalam menceburi kerjaya puan?
78. Bolehkah puan ceritakan pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menceburi bidang lakonan?
79. Apakan pencapaian puan telah raih sepanjang penglibatan dalam bidang lakonan?
80. Selama puan bergiat aktif dalam karier seni, apakah sedikit sebanyak perkara yang telah disumbangkan?

BAHAGIAN F: PENDAPAT/ PANDANGAN

81. Apakah pandangan puan terhadap industri seni tanah air zaman kini?
82. Adakah puan bersetuju dengan cara seliaan industri seni tanah air zaman kini?
83. Adakah wajar pengaruh media sosial yang tidak berpengalaman diberikan jalan pintas untuk bergiat aktif dalam industri seni?
84. Dari pandangan puan sendiri, apakah sudut yang perlu ditambah baik dalam industri seni tanah air zaman kini dan apa perkara yang kurang disenangi yang berlaku sekarang?
85. Adakah gosip yang tular di kaca televisyen, menjadikan seseorang itu terkenal atau hanya ingin menaikkan jumlah tontonan televisyen?
86. Bagaimana puan kekal relevan dalam bidang lakonan?
87. Apakah sumber kekuatan puan dalam menempuh cabaran sebagai orang yang dikenali ramai?

88. Pada pendapat puan, adakah perasaan angkuh dan sompong ini akan menjatuhkan seseorang pelakon?

89. Apa yang puan boleh simpulkan sebagai orang yang sudah lama berada dalam bidang seni?

BAHAGIAN G: HARAPAN

90. Apakah mesej yang ingin puan sampaikan kepada anak muda yang ingin berkecimpung dalam bidang seni?
91. Apakah yang diharapkan oleh puan sendiri terhadap industri seni tanah air untuk terus berkembang?

92. Apakah nasihat terbaik yang puan ingin sampaikan kepada masyarakat supaya mereka dapat aplikasikan dalam kehidupan mereka ?

Lampiran 4 - Diari Kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1500-1530	11/10/2022	Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek IMR604 memberi penerangan mengenai tugasan sejarah lisan.	Cakna akan maklumat dan penerangan yang diberikan untuk rujukan dan garis panduan.
1400-1431	18/10/2022	Membuat kajian berkenaan seniman veteran menggunakan maklumat yang diberi oleh pensyarah.	Mengenal pasti syarat seniman veteran melalui garis panduan yang diberikan.
2328-2355	5/11/ 2022	Menyenaraikan senarai seniman veteran untuk ditemubual antaranya Dr Lim Swee Tin dan Yusof Ghani.	Membuat senarai pendek dan mencari maklumat berkenaan seniman.
1400-1430	10/11/2022	Mencari maklumat mengenai tokoh yang menepati kriteria.	Memastikan tokoh sesuai untuk ditemubual.
1426-1530	14/11/2022	Menukar tokoh kepada Shahriza Mahmud dan membuat abstrak berkenaan tokoh.	Menghantar abstrak kepada pensyarah untuk mendapatkan pengesahan
1000-1030	20/11/2022	Mendapatkan surat penyelidikan dari Hal Ehwal Akademik, UiTMCK dengan bimbingan dari pensyarah.	Surat penyelidikan telah diperoleh.
1136-1215	4/12/2022	Menghubungi Shahriza Mahmud untuk atur masa dan tarikh temubual.	Menghubungi Shahriza Mahmud melalui ruang mesej di Whatsapp.
1100-1130	12/12/2022	Menyiapkan soalan temubual berkaitan seniman	Merujuk fakta soalan temubual berdasarkan carian di internet dan hantar kepada penyarah
2130-1210	23/1/2023	Menemubual seniman dengan secara atas talian menggunakan platform Zoom.	Temubual berjaya diselesaikan dengan kerjasama yang diberikan oleh seniman.
2030-2330	30/1/2023	Menyiapkan kertas kerja, transkrip, preliminary preparation, dan abstrak temubual seniman veteran	Hendaklah dihantar pada 14 Februari 2023

2030-2330	14/2/2023	Tugasan dihantar.	Selesai
-----------	-----------	-------------------	---------

Lampiran 5 - Gambar

